



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI KHAMIS : 30 MAC 2017

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.3, NO.9 HINGGA NO. 59)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**

SOALAN NO: 3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN SALLEH

TARIKH: 30 MAC 2017

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah Kementerian berpuas hati dengan keadaan dan persekitaran kerja di ladang-ladang dan tapak pembinaan di negara ini sudah cukup bagus hingga boleh menarik rakyat tempatan untuk bekerja dalam industri ini.

PR-1351-L01385

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

1. Kementerian Sumber Manusia merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan YB Kalabakan terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor pembinaan dan perladangan dimana kedua-dua sektor ini dikategorikan sebagai sektor "3D" iaitu "*Dangerous, Difficult and Dirty*".

2. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan menguatkuasakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang dan Jentera 1967. Di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), adalah menjadi tanggungjawab pihak majikan untuk memastikan keadaan dan persekitaran tempat kerja adalah selamat tanpa risiko kepada pekerja dan orang-orang lain selain daripada pekerjanya.

Penguatkuasaan Di Sektor Perladangan

3. Usaha berterusan telah dilakukan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan melalui penguatkuasaan, penetapan standard dan aktiviti promosi dalam memastikan dan meningkatkan tahap kesedaran berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada pihak majikan, pekerja dan orang awam di kedua-dua sektor ini.

4. Dari tahun 2011 hingga 2016 Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah menjalankan sebanyak 2,981

pemeriksaan dan audit Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan di sektor perladangan.

5. Daripada 2,981 pemeriksaandan audit yang telah dijalankan disektor perladangan, 1,397 (47%) ladang telah mendapat gred yang baik iaitu gred A dan B. Bakinya sebanyak 1,551 (52%) ladang mendapat gred sederhana iaitu gred C dan D manakala selebihnya sebanyak 33 (1%) ladang mendapat gred yang rendah iaitu gred E.

Tahun	GRED					Jumlah
	A	B	C	D	E	
2011	71	188	240	170	2	671
2012	87	189	239	146	5	666
2013	82	247	164	107	4	604
2014	75	167	142	97	19	500
2015	59	128	93	42	1	323
2016	31	73	84	27	2	217
	405	992	962	589	33	2981

(Sumber : KSM/JKKP)

6. Hasil daripada keberkesanan pengauditan, pemeriksaan dan promosi yang telah dijalankan di sektor perladangan ini memberi impak kepada penurunan jumlah kemalangan pekerjaan. Jumlah kemalangan di sektor perladangan pada tahun 2011 adalah sebanyak 2,821 kes berbanding dengan 2,454 kes kemalangan yang direkodkan pada tahun 2015. Ini menunjukkan pengurangan bilangan kes kemalangan sebanyak 13%.

Tahun	Kes kemalangan Pekerjaan
2011	2,821
2012	2,779
2013	2,939
2014	2,681
2015	2,454

(Sumber : JKPP/PERKESO/JTK)

Penguatkuasaan Di Sektor Pembinaan

7. Di sektor pembinaan pula, kekusaran dan persepsi yang negatif di dalam kerja-kerja pembinaan dari segi aspek keselamatan dan kesihatan oleh orang awam dan pekerja sejak kebelakangan ini adalah sangat tidak memberangsangkan. Sektor ini telah pun dikategorikan sebagai sektor "3D" iaitu "*Dangerous, Difficult and Dirty*". Ini adalah salah satu sebab kebanyakan warga kita menjadikan sektor ini sebagai pilihan terakhir untuk diceburi.

8. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sentiasa serius dalam meningkatkan tahap keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja dan juga orang awam iaitu dengan menjalankan dan meningkatkan kerja-kerja penguatkuasaan, penetapan standard dan aktiviti promosi dalam meningkatkan tahap kesedaran kepada pekerja, majikan dan orang awam bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

9. Pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dari semasa ke semasa sentiasa menambahbaik dan bekerjasama dengan pihak industri pembinaan dalam meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di semua tempat kerja. Salah satu inisiatif yang diambil adalah dengan membangunkan Pelan Strategik Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Bagi Industri Pembinaan 2016-2020. Plan strategik ini merupakan pelan holistik yang mendokong Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan – OSHMP 2020. Matlamat utama adalah untuk menyusun atur strategi dengan meningkatkan aspek penguatkuasaan di tapak bina, penggubalan standards dan garis panduan selain latihan dan promosi terhadap aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan keatas semua peringkat aktiviti pembinaan. Baru-baru ini pada 28hb Februari 2017, Garis panduan Keselamatan dan Kesihatan Industri Pembinaan (Pengurusan) 2017 telah dilancarkan di mana ianya adalah langkah dan usaha Kerajaan untuk memastikan setiap pihak berkepentingan menjalankan dan melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Garis panduan ini direncanakan berdasarkan prinsip pencegahan melalui rekabentuk dan pengurusan yang jelas meletakkan tanggungjawab menguruskan risiko di tempat kerja keatas mereka yang mewujudkan risiko tersebut.

10. Aktiviti-aktiviti pemeriksaan dan penguatkuasaan di tapak pembinaan juga dipertingkatkan sebanyak 182% dari tahun 2011 sehingga 2016 dimana 3,388 pemeriksaan pada tahun 2011 kepada 9,544 pemeriksaan pada tahun 2016.

Tahun	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Jumlah Pemeriksaan Tapak Bina	3,388	6,554	7,329	8,229	9822	9544

(Sumber: JKPP, KSM)

11. Skuad ronda telah diwujudkan disetiap pejabat negeri bagi memantau lebih menyeluruh aktiviti-aktiviti kerja pada waktu malam. Aktiviti-aktiviti pemeriksaan seperti biasa akan lebih tertumpu kepada kerja-kerja yang berisiko tinggi yang melibatkan keselamatan orang awam, kompleksiti dan jenis kerja. Melalui pemeriksaan yang telah dijalankan, bagaimana-mana kontraktor atau tempat kerja yang tidak mematuhi standard yang ditetapkan tindakan punitive akan dikenakan kepada mereka. Pada tahun 2015 sebanyak 6,211 notis telah dikeluarkan dan pengeluaran notis ini meningkat pada tahun 2016 iaitu sebanyak 7,454 notis. Manakala jumlah saman yang dikenakan oleh mahkamah sepanjang 2016 adalah sebanyak RM1.8 juta peningkatan hampir 60% berbanding RM1.1juta bagi tahun 2015. Bagi jumlah kompaun bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015 peningkatan sebanyak 25% iaitu RM557,700.00 bagi tahun 2015 dan RM785,340.00 untuk tahun 2016.

Bilangan tindakan punitive dan kes pendakwaan keatas Sektor
Pembinaan oleh JKPP dari tahun 2013 hingga 2016

Tahun	Notis	Kompaun	Bilangan Kes Pendakwaan	Jumlah
2013	949	61	55	1,065
2014	3,482	131	57	3,670

2015	6,211	521	129	6,852
2016	7,454	659	178	8,291

(Sumber: JKPP, KSM)

Jumlah Kutipan Tindakan Kompaun dan Pendakwaan

Tindakan	2015	2016
Kompaun	557,700	785,340
Pendakwaan	1,156,105	1,763,000

(Sumber: JKPP, KSM)

12. Daripada usaha-usaha berterusan dan peningkatan kepada tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Keselamatan ini menunjukkan bahawa pihak Kementerian serius dalam menangani isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor perladangan dan pembinaan bagi memastikan pihak majikan dapat menyediakan keadaan dan persekitaran kerja yang selamat dan sihat.

ekonomi yang diharapkan akan menjana pewujudan pekerjaan baharu yang diunjurkan sebanyak 1.5 juta pekerjaan menjelang tahun 2020.

5. Unjuran pekerjaan baharu tersebut adalah berdasarkan kepada Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Areas - NKEA*) yang merangkumi sebanyak 12 sektor iaitu minyak, gas dan tenaga, minyak sawit, perkhidmatan kewangan, pelancongan, perkhidmatan perniagaan, elektrik dan elektronik, pemborongan dan peruncitan, pendidikan, penjagaan kesihatan, infrastruktur komunikasi, pertanian dan pembangunan Kuala Lumpur dan Kawasan Sekitar/ Lembah Klang.

6. Berdasarkan kepada Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) 2016 hingga 2020, jumlah guna tenaga dijangka meningkat bagi tahun 2020 kepada 15,292,000. Daripada jumlah ini, sebanyak 5,352,000 iaitu 35 peratus pekerjaan adalah untuk pekerja berkemahiran, 8,927,000 iaitu 58 peratus pekerjaan yang diwujudkan adalah untuk pekerja separuh mahir dan 1,013,000 pekerjaan iaitu 7 peratus adalah untuk pekerja berkemahiran rendah.

ekonomi yang diharapkan akan menjana pewujudan pekerjaan baharu yang diunjurkan sebanyak 1.5 juta pekerjaan menjelang tahun 2020.

5. Unjuran pekerjaan baharu tersebut adalah berdasarkan kepada Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Areas - NKEA*) yang merangkumi sebanyak 12 sektor iaitu minyak, gas dan tenaga, minyak sawit, perkhidmatan kewangan, pelancongan, perkhidmatan perniagaan, elektrik dan elektronik, pemborongan dan peruncitan, pendidikan, penjagaan kesihatan, infrastruktur komunikasi, pertanian dan pembangunan Kuala Lumpur dan Kawasan Sekitar/ Lembah Klang.

6. Berdasarkan kepada Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) 2016 hingga 2020, jumlah guna tenaga dijangka meningkat bagi tahun 2020 kepada 15,292,000. Daripada jumlah ini, sebanyak 5,352,000 iaitu 35 peratus pekerjaan adalah untuk pekerja berkemahiran, 8,927,000 iaitu 58 peratus pekerjaan yang diwujudkan adalah untuk pekerja separuh mahir dan 1,013,000 pekerjaan iaitu 7 peratus adalah untuk pekerja berkemahiran rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran terkini rakyat Malaysia pada bulan Disember tahun 2016 adalah sebanyak 3.5 peratus.

2. Mengikut statistik Jabatan Tenaga Kerja sehingga 31 Disember 2016 terdapat 139,152 bilangan permintaan atau kekosongan jawatan aktif yang ditawarkan oleh majikan melalui portal JobsMalaysia. Daripada jumlah ini, permintaan atau kekosongan jawatan tertinggi adalah di dalam sektor pembuatan, iaitu sebanyak 61,712 jawatan, diikuti dengan sektor pembinaan sebanyak 24,495 jawatan, sektor kewangan dan insurans sebanyak 23,226 jawatan, sektor pertanian sebanyak 11,797 jawatan, sektor perkhidmatan dan perkhidmatan lain sebanyak 10,525 jawatan.

3. Statistik ini menunjukkan bahawa, walaupun dalam suasana ketidaktentuan ekonomi pada masa kini, jumlah kekosongan ini menunjukkan bahawa peluang pekerjaan masih lagi wujud dan ia perlu dimanfaatkan oleh rakyat tempatan.

Yang Dipertua,

4. Pewujudan pekerjaan baharu yang mencukupi amat penting bagi mengatasi masalah pengangguran. Dalam hubungan ini, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) 2016 hingga 2020, Kerajaan akan terus menggalakkan pelaburan untuk menerajui pertumbuhan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP

TARIKH: 30 MAC 2017

SOALAN:

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kadar pengangguran terkini rakyat Malaysia dan apakah tahap permintaan untuk pekerja baharu dalam semua sektor dan industri dalam negara yang kini berhadapan dengan ketidak tentuan ekonomi dan pasaran global.

PR-1351-L00134

SOALAN NO : 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. HAJI IZANI BIN HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]
TARIKH : 30 MAC 2017
SOALAN :

YB Dr. Haji Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat memperluaskan lagi projek rintis kaedah pelepasan nyamuk yang mengandungi mikroorganisme "*Wolbachia*" dalam usaha mengurangkan kes denggi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek rintis kaedah pelepasan nyamuk yang mengandungi mikroorganisme "*Wolbachia*" dalam usaha mengurangkan kes denggi di negara ini yang akan terlebih dahulu dilaksanakan di AU2, Keramat dan Seksyen 7, Shah Alam. Projek ini masih dalam tempoh percubaan dan keberkesanan penggunaan kaedah ini bergantung kepada banyak faktor seperti kemampuan *Wolbachia* untuk merebak secara semulajadi di

lapangan. Ini kerana kepadatan nyamuk disesuatu kawasan adalah berbeza-beza bergantung kepada faktor persekitaran. Selain itu, kefahaman dan kerjasama daripada penduduk setempat adalah amat penting dan perlu diambil kira. Dengan itu, kerajaan berhasrat untuk meluaskan projek ini hanya setelah membuat evaluasi yang lengkap dan mengambil kira faktor-faktor yang terlibat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS
(SEPANGGAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30.03.2017

Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mengubah kadar GST pada masa hadapan ; dan
- (b) berapakah kutipan GST setakat hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum bercadang untuk mengkaji semula kadar standard GST yang pada masa ini ditetapkan pada kadar 6%. Kadar tersebut

ditetapkan setelah dibuat kajian yang terperinci untuk memastikan ianya adalah yang paling bersesuaian. Antara faktor lain yang juga telah diambil kira adalah seperti berikut:

- i. kadar cukai jualan dan kadar cukai perkhidmatan yang telah dilaksanakan sebelum pelaksanaan GST iaitu cukai jualan pada kadar umum 10% bagi barangan yang diimport dan dikilangkan dalam negara manakala cukai perkhidmatan pula pada kadar 6% bagi perkhidmatan tertentu;
- ii. komposisi sumbangan hasil daripada sektor tertentu; dan
- iii. beban cukai ke atas pengguna.

Bagi memastikan Malaysia dapat meningkatkan daya saing ekonomi dalam jangka panjang, Kerajaan sangat prihatin tentang implikasi kos tambahan kepada segenap lapisan rakyat dan sektor perniagaan. Dengan itu penelitian secara berterusan dilaksanakan termasuklah membuat kajian perbandingan dengan amalan di negara lain bagi maksud menambah baik sistem GST yang sedia ada. Pendekatan yang diambil adalah untuk mengkaji daya saing Malaysia secara menyeluruh melibatkan juga layanan lain-lain cukai yang

dikenakan diperingkat Kerajaan Persekutuan termasuklah keperluan untuk mengkaji kadar cukai korporat dan individu.

b. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM27.012 bilion. Manakala bagi tahun 2016, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM41.206 bilion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]
TARIKH : 30 MAC 2017
NO. SOALAN :

YB Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keadaan kemampuan Hospital Sultanah Nur Zahirah dengan prasarana dan fasiliti kesihatan serta kakitangan yang dimilikinya bagi menampung keperluan daripada tiga (3) Parlimen iaitu Parlimen Kuala Terengganu, Parlimen Kuala Nerus dan Parlimen Marang.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) Kuala Terengganu merupakan sebuah hospital negeri dengan kapasiti sebanyak 1,060 buah katil dan kadar penggunaan katil sebanyak 82.02% pada tahun 2015.

HSNZ merupakan pusat rujukan utama bagi semua hospital di seluruh Negeri Terengganu dengan menawarkan sebanyak 42 jenis perkhidmatan kepakaran dan sub-kepakaran dengan jumlah bilangan Pegawai Perubatan Pakar seramai 150 orang dan Pegawai Perubatan

271 orang. Hospital ini juga merupakan pusat rujukan zon timur bagi perkhidmatan sub-kepakaran *Breast and Endocrine Surgery, Reproductive Medicine dan Paediatric Haemato-oncology*.

Terdapat peningkatan dalam jumlah kemasukan pesakit dalam secara keseluruhan di HSNZ iaitu sebanyak 10,321 kemasukan dari tahun 2013 sehingga tahun 2015. Sehubungan dengan itu, bagi menampung keperluan peningkatan beban kerja tersebut, beberapa projek naik taraf hospital bagi meningkatkan kapasiti perkhidmatan iaitu:

1. Menubuhkan kompleks pakar materniti yang terdiri daripada dua (2) blok bangunan empat (4) tingkat dan satu (1) blok tempat letak kereta tiga (3) tingkat;
2. Membina blok bangunan tiga (3) tingkat untuk perkhidmatan psikiatri;
3. Membina bangunan tambahan satu (1) tingkat bagi menaiktaraf perkhidmatan haemodialisis; dan
4. Naiktaraf Jabatan Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif dan Rawatan Kebakaran.

Tuan Yang DiPertua,

Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) adalah hospital berpakar negeri yang pada masa ini memberi liputan kepada tiga (3) buah parlimen iaitu Parlimen Kuala Terengganu, Kuala Nerus dan Parlimen Marang yang mempunyai jumlah penduduk sebanyak 650 000 orang.

Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) mempunyai bilangan katil sebanyak 1,222 buah dengan 3,810 anggota yang terdiri daripada 114 orang Doktor Pakar, 274 orang Pegawai Perubatan, 400 orang Pegawai Perubatan Siswazah, 91 orang Pegawai Farmasi, 1,394 orang Jururawat Terlatih, 162 orang Penolong Pegawai Perubatan, 94 orang Juruteknologi Makmal Perubatan, 55 orang Juru X-Ray, 38 orang Penolong Pegawai Farmasi dan selebihnya kakitangan lain. HSNZ juga mempunyai 17 jenis kepakaran dan 33 jenis sub-kepakaran dengan kadar penggunaan katil (*Bed Occupancy Rate*) adalah 84.31 % bagi tahun 2016.

Selain dari Hospital Sultanah Nur Zahirah terdapat dua (2) buah hospital swasta iaitu *Kuala Terengganu Specialist Hospital* (dengan izin) Jalan Kamaruddin yang berkapasiti 20 buah katil dan *Salam Specialist Hospital* (dengan izin) yang berkapasiti 30 buah.

Terdapat 2 projek pembinaan hospital baru iaitu:

- a) *Kuala Terengganu Specialist Hospital* (dengan izin) di Batu Burok yang berkapasiti 156 katil dan ianya akan menggantikan *Kuala Terengganu Specialist Hospital* (dengan izin) di Jalan Kamaruddin apabila siap sepenuhnya kelak; dan
- b) Hospital Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di Kuala Terengganu yang berkapasiti 200 katil dan ianya masih lagi dalam peringkat rekabentuk.

Dengan mengambilkira keempat-empat buah hospital tersebut, jumlah keseluruhan katil adalah sebanyak 1608 buah yang akan memberi nisbah katil penduduk sebanyak 2.47. Ianya adalah lebih tinggi dari nisbah katil penduduk kebangsaan iaitu sebanyak 1.97 sahaja.

Walaupun bagaimanapun KKM mengambil maklum mengenai masalah kesesakan yang dihadapi di HSNZ pada masa sekarang. Sehubungan itu terdapat perancangan untuk membina hospital baru di Daerah Marang bagi mengurangkan kesesakan tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM (SARATOK)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 30.03.2017

Y.B. TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM [SARATOK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk membantu rakyat menghadapi kenaikan harga bahan bakar kenderaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa memantau dan mengambil langkah bagi membendung kenaikan inflasi serta mengurangkan impak terhadap kos hidup golongan berpendapatan pertengahan dan rendah. Kadar inflasi bagi 2016 adalah sebanyak 2.1%, sama seperti kadar inflasi pada tahun sebelumnya. Sementara itu, kadar inflasi pada bulan Januari 2017 telah meningkat kepada 3.2%, sebahagiannya

disebabkan oleh kesan daripada harga minyak mentah global yang semakin pulih.

2. Harga runcit petrol dan diesel di Malaysia adalah berdasarkan mekanisme pengapungan harga terkawal (*managed float*). Kerajaan telah melaksanakan mekanisme ini sejak 1 Disember 2014 di mana harga runcit petrol RON 95 dan diesel ditentukan berdasarkan purata harga sebenar produk tersebut di pasaran pada bulan sebelumnya yang secara langsung dipengaruhi oleh purata harga minyak mentah dunia bagi tempoh yang sama. Oleh itu, secara amnya, harga runcit RON 95 dan diesel di pam akan berubah pada setiap bulan bergantung kepada turun naik harga minyak mentah di pasaran dunia.

3. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada perkembangan harga minyak semasa serta maklumbalas pengguna dan pengusaha stesen minyak, didapati kaedah sedia ada membawa perubahan kadar turun naik harga yang begitu ketara. Justeru itu, berkuatkuasa mulai 30 Mac 2017, Kerajaan akan melaksanakan penetapan harga petrol dan diesel secara mingguan bagi menggantikan kaedah pengapungan terkawal secara bulanan di mana harga siling akan diumumkan pada setiap hari Rabu dan pelaksanaan dibuat pada hari Khamis. Kerajaan yakin bahawa mechanism baharu ini akan membolehkan trend harga runcit yang lebih stabil berbanding harga siling bulanan yang dilaksanakan sebelum ini.

4. Selain itu, pelaksanaan langkah tersebut ini adalah bagi meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan negara serta menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang lebih cekap. Ketirisan perbelanjaan Kerajaan juga dapat dikurangkan khususnya melalui pengurangan kegiatan penyeludupan dan penyelewengan serta penggunaan barangan bersubsidi oleh warga asing.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Penjimatan yang diperoleh pada tahun 2015 melalui rasionalisasi subsidi bahan api iaitu dengan pelaksanaan mekanisme pengapungan terkawal (*managed float*) ini adalah berjumlah kira-kira RM16 bilion. Sebahagian daripada penjimatan yang diperoleh tersebut disalurkan semula secara terus kepada kumpulan sasaran dalam bentuk bantuan tunai seperti BR1M dan bantuan persekolahan, manakala sebahagian lagi digunakan untuk pembiayaan program dan projek pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat. Ini termasuk menyediakan peruntukan untuk perkhidmatan pendidikan dan kesihatan, pembangunan masyarakat di bandar dan luar bandar serta menambah baik sistem pengangkutan awam. Di samping itu, Kerajaan terus menyediakan insentif bagi meningkatkan pengeluaran

produk pertanian seperti padi dan getah serta perikanan yang turut memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah.

6. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bersepadu seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015 dalam usaha menangani kenaikan inflasi.

Antaranya:

Pertama: Memperluaskan barangan kadar sifar GST kepada semua jenis ubat, makanan terpilih dan susu bayi;

Kedua: Pelepasan GST bagi pengimportan barangan terpilih terutamanya barangan makanan, ubat-ubatan, bahan bacaan dan lain lagi;

Ketiga: Meningkatkan kadar pemberian bantuan rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada golongan berpendapatan rendah berdasarkan kepada kategori seperti berikut:

- Pendapatan bulanan Isi rumah (RM3,001 - RM4,000): daripada RM800 pada 2016 kepada RM900 pada 2017;
- Pendapatan bulanan Isi rumah (RM3,000 ke bawah) : daripada RM1000 pada 2016 kepada RM1200 pada 2017;
- Pendapatan bulanan Isi rumah (RM1,000 ke bawah) e-Kasih: daripada RM1000 pada 2016 kepada RM1200 pada 2017; dan
- Individu bujang 21 tahun ke atas (RM2,000 ke bawah) : daripada RM400 pada 2016 kepada RM450 pada 2017.

Keempat: Bantuan persekolahan kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah dari kalangan isi rumah berpendapatan RM3,000 ke bawah dan pemberian baucar buku kepada semua pelajar warganegara Malaysia di IPTA dan IPTS;

Kelima: Meningkatkan gaji minimum dari RM900 kepada RM1,000 bagi Semenanjung Malaysia sementara bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dari RM800 kepada RM920;

Keenam: Memperkenalkan satu kenaikan gaji dan pemberian khas kepada kakitangan Kerajaan;

Ketujuh: Menyediakan rumah mampu milik seperti Rumah Mesra Rakyat dan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA); dan

Kelapan: Meningkatkan taraf hidup isi rumah B40 melalui pelbagai kemudahan pembiayaan.

7. Kerajaan turut mengambil beberapa langkah seperti diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Pengubahsuaian Bajet 2016 pada 28 Januari 2016. Antaranya:

Pertama: Mengurangkan potongan caruman KWSP pekerja sebanyak 3 peratus mulai Mac 2016 sehingga Disember 2017, sementara caruman majikan dikekalkan.

Kedua: Bagi mengurangkan kos barang keperluan harian rakyat, Kerajaan telah melaksanakan perkara berikut:

- Bagi menggalakkan penawaran atau bekalan, FAMA membuka pasar belian terus hasil pertanian atau *MyFarm Outlet* yang menjual barang makanan seperti ikan, ayam, daging, sayur-sayuran dan buah-buahan dengan harga 5-20 peratus lebih murah daripada pasaran. Sebanyak 10 lokasi dibuka di pusat bandar seluruh negara pada 2016;
- Jumlah Kedai Harga Patut ditingkatkan daripada 640 buah pada 2016, kepada lebih daripada 1000 buah kedai pada 2017, bagi memastikan rakyat terus menikmati harga barangan yang berpatutan. Sehingga Februari 2017, Kedai Harga Patut telah mencapai sebanyak 1,238 buah; dan
- KPDNKK mempertingkatkan penguatkuasaan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas peniaga yang tidak beretika, serta mengambil kesempatan mengaut keuntungan yang berlipat ganda atau *profiteering*.

8. Dalam menangani kenaikan kos sara hidup, Kerajaan akan terus mengambil langkah proaktif bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan dan peningkatan kos barangan keperluan asas. Antaranya ialah dengan meningkatkan jumlah pengeluaran barangan domestik yang secara tidak langsung akan meningkatkan pendapatan rakyat terutamanya dalam kalangan PKS tempatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]
TARIKH : 30.3.2017 (KHAMIS)

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan usaha untuk mengurangkan penggunaan beg plastik dalam usaha memulihara alam sekitar seperti yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk menyediakan persekitaran yang bersih dan selamat kepada semua lapisan masyarakat. Fokus jangka panjang kerajaan adalah supaya rakyat dapat hidup dalam keadaan yang selesa dan mempunyai kualiti hidup yang lebih baik tanpa menggugat keperluan generasi akan datang. Salah satu daripada usaha kerajaan dalam meminimumkan penggunaan sumber asli, bahan toksik dan pengeluaran bahan buangan adalah dengan mengurangkan penggunaan beg plastik di kalangan masyarakat.

Di antara langkah-langkah untuk mengurangkan penggunaan beg plastik adalah dengan melaksanakan Kempen Kurangkan Penggunaan Beg Plastik. Kempen ini dijalankan oleh pihak pasaraya di mana tiada beg plastik dibekalkan secara percuma kepada pelanggan pada setiap hari Sabtu. Kempen ini dilaksanakan bagi mewujudkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan menjaga alam sekitar. Ia juga adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan dalam memperkasakan hak pengguna untuk mendapat alam sekitar yang sihat dan selamat.

Tuan Yang Di-Pertua,

Langkah ini diambil bagi mengurangkan jumlah penggunaan beg plastik memandangkan bahan plastik mengambil masa lebih kurang 100 tahun untuk terurai. Pelupusan bahan plastik juga membebaskan gas karbon dioksida dan gas-gas lain yang menyumbang kepada kesan rumah hijau dan seterusnya memberi kesan buruk kepada alam sekitar.

Melalui pelaksanaan kempen ini, Kementerian berharap pengguna akan menjadikan budaya bebas plastik sebagai cara hidup dalam memelihara alam sekitar yang sihat dan selamat.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Datuk Raime Bin Unggi [Tenom]

TARIKH : 30 Mac 2017 (Khamis)

SOALAN : Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan apakah usaha
pihak Kementerian untuk meningkatkan
sektor pertanian dan ternakan kepada kaum
petani dan penternak khususnya di Parlimen
Tenom.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian (DOA) Sabah dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak (JPHPT) Sabah telah melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan sektor pertanian dan penternakan di Parlimen Tenom. Beberapa projek pembangunan pertanian dan penternakan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

- a) Program pembangunan masyarakat tani bertujuan untuk memberi latihan dari segi pengetahuan dan kemahiran kepada para petani sama ada dalam bidang perladangan atau pemprosesan hasil pertanian. Dalam RMKe-10 (tahun 2011-2015 sebanyak 108 kursus telah dilaksanakan melibatkan 4,239 orang petani dalam bidang pemprosesan makanan manakala dalam bidang perladangan seramai 613 orang petani telah mengikuti kursus yang dianjurkan oleh Pusat Latihan Petani, Tenom;
- b) Pemulihan tanah terbiar melibatkan tanaman padi di kawasan seluas 422.61 hektar dengan penglibatan petani seramai 262 orang daripada 7 buah kampung di daerah Tenom;
- c) Pelaksanaan projek tanaman buah-buahan seperti limau pomelo, betik sekaki, durian, manggis, jambu batu, avokado,

duku langsung, langsung, dokong, durian belanda dan jambu air melibatkan kawasan seluas 566 hektar dengan bilangan petani seramai 312 orang daripada 17 buah kampung di daerah Tenom;

- d) Tanaman industri juga diberi tumpuan iaitu bagi penanaman kopi *Robusta* yang melibatkan kawasan seluas 80 hektar dengan penyertaan 142 orang petani;
- e) Tanaman singkat masa seperti sayur-sayuran, jagung manis dan pisang Sabah juga dilaksanakan melibatkan 6 orang petani dengan kawasan seluas 9 hektar;
- f) Dalam aspek penternakan, pendedahan diberikan kepada para penternak yang layak berkenaan projek-projek seperti Pawah Kambing serta Bantuan Menternak Kerbau/Lembu dan lain-lain yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak (JPHPT) Sabah.
- g) Melalui Projek Lembu Tensus yang dijalankan, daerah Tenom kini penyumbang kedua terbesar bagi pengeluaran susu lembu di Sabah. Kawasan ini kini mengeluarkan hampir sejuta liter susu setiap tahun. Pada tahun 2016, Tenom telah berjaya mengeluarkan 10.8% daripada keseluruhan pengeluaran susu lembu dalam negeri Sabah; dan

h) Projek Kambing Tenusu di bawah RMKe-11. Pada tahun 2017, seramai 10 orang penternak yang layak akan dipilih untuk diberi latihan dan seterusnya menyertai projek kambing tenusu yang telah diperkenalkan di Sabah. Jabatan mensasarkan seramai 50 orang penternak kambing tenusu untuk dibimbing menjelang tahun 2020.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 30.3.2017

SOALAN :

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan apa sebab penamatan perkhidmatan begitu ramai guru interim di Sekolah Menengah Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak sedangkan masih terdapat banyak kekesongan jawatan guru di sekolah-sekolah tersebut di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil berat tentang pengisian kekosongan guru-guru di seluruh negara serta memastikan hanya guru yang cemerlang dan berkualiti diserap masuk menjadi guru tetap di dalam Perkhidmatan Pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan guru interim di Sarawak tidak dilanjutkan selepas Mac 2017 disebabkan mereka tidak lulus temuduga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) atau tidak hadir temuduga SPP. SPP merupakan badan yang mengawal kualiti Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

KPM prihatin dengan isu tersebut dan peluang bagi menghadiri temuduga kali kedua akan diberikan kepada guru interim di sekolah menengah di negeri Sarawak yang gagal temu duga kali pertama. Mereka juga diberikan pelanjutan kepada tempoh perkhidmatan interim di sekolah.

RJM82

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Hajah Normala Bt Abdul
Samad [Pasir Gudang]

TARIKH : 30 Mac 2017

SOALAN : Dato' Hajah Normala Bt Abdul
Samad [Pasir Gudang] minta
**MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan
usaha dan langkah yang diambil oleh
Kerajaan untuk menggalakkan
pengusaha Industri Kecil dan
Sederhana (IKS) yang mengeluarkan
produk-produk makanan tempatan
seperti belacan, tempe, makanan
sejuk beku dan sebagainya bagi
mendapatkan pensijilan Halal dalam
prinsip Halalan Toyyiban (kebersihan).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menggalakkan pengusaha Industri Kecil Sederhana (IKS) yang mengeluarkan produk makanan berasaskan pertanian untuk mendapatkan persijilan Halal melalui program latihan, khidmat konsultansi dan bantuan geran pepadanan. Latihan Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani telah diadakan dengan kerjasama Jabatan atau Majlis Agama Islam di setiap negeri bagi memberi penerangan terperinci berkenaan prosedur persijilan Halal kepada IKS. Sebanyak 7 kursus telah dilaksanakan pada tahun 2016 melibatkan seramai 783 orang usahawan IKS.

Kementerian juga telah menjalinkan kerjasama dengan Halal Industry Development Corporation (HDC) untuk Program Mudahcara Persijilan Halal bagi memberikan konsultansi terutama kepada IKS. Tahun 2016, Kementerian telah melaksanakan program tersebut ke negeri Kedah dan Kelantan melibatkan 50 usahawan IKS. Kementerian turut memberikan geran pepadanan di dalam penambahbaikan premis bagi membantu usahawan ke arah persijilan Halal. Bagi tahun 2016, sebanyak RM2.24 juta telah dibelanjakan bagi membantu 45 orang usahawan IKS dalam penambahbaikan premis ke arah persijilan Halal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
[TUMPAT]**

TARIKH : 30 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 18

**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan tindakan terkini Kerajaan berkaitan
penembakan jatuh pesawat MH17 di Ukraine.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan terkini Kerajaan berhubung penembakan jatuh pesawat MH17 adalah seperti berikut:

- (i) Malaysia masih meneruskan penglibatannya dalam siasatan jenayah yang dijalankan oleh *Joint Investigation Team* (JIT) yang diterajui oleh penyiasat dan pendakwa Belanda melalui kehadiran mesyuarat-mesyuarat serta telepersidangan video bagi mengemaskini status penyiasatan tersebut. Mesyuarat-mesyuarat ini adalah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Peguam Negara; dan
- (ii) Malaysia juga akan terus bersama-sama dengan negara-negara yang diwakili dalam JIT dalam mengenalpasti opsyen pendakwaan terbaik bagi menuntut keadilan berhubung penembakan jatuh pesawat MH17.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 30.03.2017 [KHAMIS]

SOALAN :

Tuan Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap penjawat awam yang terlibat dan disabitkan dengan kes salah laku rasuah oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan berapakah jumlah penjawat awam yang telah disabitkan kesalahan sehingga kini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Mana-mana orang termasuklah penjawat awam yang dituduh di mahkamah atas kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang

daripada 5 kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Jumlah penjawat awam yang telah disabitkan kesalahan dari tahun 2010 sehingga kini adalah seramai 294 orang.

Jika Pihak Berkuasa Tatatertib Jabatan mendapati mana-mana penjawat awam melakukan pelanggaran mana-mana (Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395/1993], penjawat awam tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 [P.U. (A) 396/1993]. Hukuman yang boleh dikenakan adalah amaran, denda, lucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, pengurangan gaji, turun pangkat dan/atau buang kerja.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR.MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

TARIKH : 30 MAC 2017

RUJUKAN : 9683

SOALAN:

Dr.Michael jeyakumar Devaraj (Sungai Siput) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes-kes kematian OKT di lokap polis, penjara dan pusat tahanan imigresen setiap tahun antara 2010 – 2016 dengan memberi data mengikut pecahan negara asal OKT , jantina, umur , sebab kematian OKT dan bilangan Inkues yang dijalani setiap Institusi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian memandang serius dan sentiasa komited bagi mengelakkan kematian dalam tahanan polis atau agensi penguatkuasa yang lain. Kementerian tidak akan berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang disyaki menggunakan kekerasan sehingga menyebabkan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan akan disiasat dan tindakan sewajarnya akan diambil sama ada dari sudut tatatertib atau mencadangkan kepada pihak Pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.

Statistik jumlah kematian dalam lokap polis di seluruh negara dari tahun 2010 hingga 2016 mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:-

BIL	TAHUN	P	L	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	WARGA NEGARA ASING	JUMLAH
1	2010	0	9	5	1	3	0	0	9
2	2011	0	17	11	3	1	0	2	17
3	2012	2	17	4	4	6	2	3	19
4	2013	2	18	3	5	5	0	7	20
5	2014	0	18	6	4	6	0	2	18
6	2015	0	12	6	1	2	0	3	12
7	2016	0	15	6	2	4	0	3	15
JUMLAH		4	106	41	20	27	2	20	110

Statistik jumlah kematian dalam lokap polis di seluruh negara dari tahun 2010 hingga 2016 mengikut punca kematian adalah seperti berikut:-

BIL	PUNCA KEMATIAN	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	JUMLAH
1	HIV	0	0	0	1	1	0	0	2
2	SAKIT ASMA	0	0	0	0	0	1	1	2
3	SAKIT JANTUNG	3	1	2	1	2	1	2	12
4	LAIN-LAIN PENYAKIT (USUS,HATI,KUNING, ULSER,PARU-PARU, KERONGKONG)	5	15	13	15	15	10	9	82
5	PENDARAHAN DI OTAK	0	0	0	0	0	0	2	2
6	GANTUNG DIRI	1	1	4	2	0	0	1	9
7	GADUH SESAMA OKT	0	0	0	0	0	0	0	0
8	DICEDERAKAN POLIS	0	0	0	1	0	0	0	1
JUMLAH		9	17	19	20	18	12	15	110

Statistik jumlah kematian dalam lokap polis di seluruh negara dari tahun 2010 hingga 2016 berdasarkan tindakan yang diambil seperti berikut:-

BIL	TAHUN	PENDAKWAAAN	MASIH INKUES	SELESAI INKUES	MAJISTRET MEMUTUSKAN TIADA INKUES DI PERLUKAN	JUMLAH
1	2010	0	0	2	3	5
2	2011	0	1	4	8	13
3	2012	0	0	8	6	14
4	2013	1 (A&D)	3	3	3	10
5	2014	0	2	2	1	5
6	2015	0	0	0	0	0
7	2016	2	2	0	0	4
JUMLAH		3	8	19	21	51

****Nota: Acquittal dan Discharge (A&D)**

Statistik Jabatan Penjara menunjukkan dari tahun 2010 hingga 2016 didapati seramai 1,619 orang penghuni penjara telah meninggal dunia di hospital semasa menerima rawatan lanjut terutamanya disebabkan penyakit seperti HIV, kanser, jantung, masalah darah, paru-paru, tibi, asma dan lain-lain. Daripada jumlah tersebut, 1,018 kaum Melayu, 213 kaum Cina, 179 kaum India, 27 orang bangsa lain dan 182 orang warganegara asing. Mengikut perincian jantina, 1,564 orang adalah lelaki dan 55 orang wanita.

Berdasarkan prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Penjara, semua kes kematian tersebut dilaporkan kepada pihak polis dan kepada hakim *coroner*. Seterusnya, *coroner visit* akan dilaksanakan dan kes disiasat termasuk melibatkan siasatan dalaman oleh Jabatan Penjara dan dimaklumkan kepada ahli keluarga atau pihak kedutaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 30 MAC 2017
[KHAMIS]**

**DARIPADA : YB. TUAN G MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

SOALAN :-

YB. Tuan G Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-

- (a) apakah perkembangan dan status terkini secara terperinci untuk tempoh masa dari 1 Januari 2015 sehingga 28 Februari 2017 mengenai pembinaan sebuah balai bomba dan penyelamat di Parlimen Kapar khususnya di DUN Meru; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Pusat untuk memastikan kebajikan dan keselamatan setiap anggota bomba dan penyelamat dijaga dan dikawal selaras dengan risiko tugas dan tanggungjawab mereka.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat di Parlimen Kapar sekarang ini di peringkat akhir pembinaan dan dijangka diserahkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) pada bulan April 2017.

b) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui JBPM telah mengambil beberapa langkah dalam memastikan **kebijakan** setiap pegawai bomba terjamin selaras dengan risiko tugas dan tanggungjawab mereka antaranya seperti berikut:

- i. Setiap pegawai bomba adalah layak menerima pampasan di bawah Skim Ex-Gratia Bencana Kerja bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan seperti mana termaktub dalam 1PP WP 6.3; dan
- ii. Kerajaan telah meluluskan Skim Insurans Takaful Berkelompok khusus kepada pegawai bomba bermula tahun 2014 bagi menjaga **kebijakan** pegawai bomba serta waris dan keluarga

mereka jika berlaku kematian, kecederaan atau kecacatan kekal semasa bertugas.

Dari aspek **keselamatan** semasa bertugas, pegawai bomba diarahkan untuk mematuhi Dasar Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 2012 berpandukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) bagi mewujudkan budaya kerja yang kondusif dan selamat.

Dalam melaksanakan operasi kebombaan, setiap pegawai bomba dibekalkan peralatan dan Pakaian Perlindungan (PPE) seperti *helmet*, jaket api, *gloves*, *hood* dan kasut api bagi memastikan keselamatan semasa bertugas. Di samping itu juga, JBPM melalui Bahagian Latihan dan Akademi Bomba telah melaksanakan pelbagai kursus dan latihan pengukuhan kepada pegawai-pegawai bomba di seluruh negara bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran individu bagi menghadapi kebakaran atau kecemasan dengan lebih efektif dan selamat.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017

NO. SOALAN : 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 30 MAC 2017

SOALAN :

YB. Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam mengangkat martabat seni silat sebagai budaya dan seni mempertahankan diri dalam kalangan anak muda agar budaya bangsa masyarakat Melayu tidak pupus ditelan zaman.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara telahewartakan Seni Persilatan Melayu sebagai Warisan Kebangsaan pada tahun 2007 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Jabatan Warisan Negara juga sedang mengkaji dan mempertimbangkan cadangan untuk mengangkat Silat di bawah UNESCO *Representative List*. Justeru, Kementerian ini amat menggalakkan sebarang aktiviti pengembangan persilatan oleh persatuan-persatuan silat kepada masyarakat sebagai satu usaha memartabatkan warisan negara. Pada tahun 2016, Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka telah menganjurkan program pengembangan silat iaitu Kem Warisan Silat Wajadiri 2016 yang memberi fokus kepada generasi muda sebagai penyambung warisan.

Kementerian ini juga melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) sentiasa meneruskan usaha untuk pembangunan seni silat negara melalui program Bimbingan Seni Budaya kalangan pelajar-pelajar sekolah. Pada tahun 2016, JKKN telah mengadakan Kelab Tunas Seni Cemerlang Sekolah Rendah (KTSC) yang melibatkan pelajar berjumlah 363 pelajar dan Kelab Giat Seni Cemerlang (KGSC) bagi Sekolah Menengah yang melibatkan pelajar berjumlah 448 pelajar. Melalui program ini, JKKN telah menyediakan 27 orang jurulatih silat

yang mahir, bertauliah dan profesional untuk mengajar silat kepada pelajar-pelajar sekolah yang terlibat dalam program ini. Program ini akan diteruskan lagi pada tahun 2017.

Selain itu, bagi menyemarakkan seni dan budaya dalam kalangan belia seluruh negara, JKKN juga telah melaksanakan Program Merakyatkan Seni: Seni Bela Diri – Silat. Program ini berbentuk pertandingan dan manifestasi yang dilaksanakan dengan kerjasama IPTA/IPTS dan persatuan silat setempat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30 MAC 2017
[KHAMIS]

DARIPADA : YB DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS
[BETONG]

SOALAN :-

YB DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS [BETONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kadar pengangguran terkini di Sarawak berbanding purata peringkat Negara dalam kalangan lulusan Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf, lulusan Diploma, dan lulusan ijazah pertama. Apakah usaha Kerajaan untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang relevant dengan kategori penganggur di Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh (LPTB) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bagi separuh tahun pertama tahun 2016, secara keseluruhannya, kadar pengangguran terkini di Sarawak adalah sebanyak 3.4% dan kadar ini adalah sama dengan kadar pengangguran terkini di Malaysia. Dari segi sijil tertinggi yang diperolehi, kadar pengangguran bagi lulusan STPM/Sijil/SPM atau yang setaraf dan ke bawah adalah sebanyak 3.5%, juga sama dengan kadar bagi kelulusan yang sama di Malaysia. Manakala lulusan Diploma pula adalah sebanyak 5.8%, lebih tinggi daripada keseluruhan Malaysia iaitu sebanyak 4.0% dan lulusan Ijazah adalah sebanyak 4.2%, juga lebih tinggi daripada lulusan keseluruhan Malaysia iaitu sebanyak 3.8%.

Menurut definisi yang digunakan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*, kadar pengangguran sebanyak 4% adalah dikira sebagai guna tenaga penuh. Namun begitu, perhatian harus diberikan kepada penganggur yang berlulusan Diploma dan Ijazah kerana kadar bagi kedua-dua jenis penganggur tersebut adalah lebih

tinggi sedikit daripada kadar guna tenaga penuh. Peratusan bilangan penganggur ini, walau bagaimanapun, adalah kecil iaitu hanya 0.7% daripada keseluruhan tenaga buruh di Sarawak.

Kerajaan sentiasa serius dalam menangani isu pengangguran dengan sentiasa memberikan keutamaan dan perhatian dalam mewujudkan peluang pekerjaan baharu. Ini dapat dilihat menerusi pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang menggabungkan dua komponen iaitu 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang memberi fokus kepada pertumbuhan ekonomi, dan 6 Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) yang merangkumi dasar serta prosedur yang dilaksanakan bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang berdaya saing dan dinamik. Gabungan NKEA dan SRI telah disasar untuk mencipta 3.3 juta peluang pekerjaan baharu menjelang 2020. Ke arah itu bagi negeri Sarawak khususnya, *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE) menyasarkan untuk mencipta 1.6 juta peluang pekerjaan menjelang tahun 2030 melibatkan sepuluh sektor utama iaitu aluminium, gelas, besi, industri berasaskan petroleum, minyak kelapa sawit, perikanan dan akuakultur, ternakan, industri berasaskan kayu-kayan, marin dan perlancongan.

Selain itu, Kerajaan juga turut memberi penekanan dalam mempertingkatkan kebolehpasaran graduan bagi menangani isu pengangguran di kalangan mereka. Antara usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan menerusi KPT bagi mengurangkan ketidakpadanan antara penawaran dan permintaan guna tenaga pada ketika ini termasuklah:

- i) meningkatkan pengetahuan dan kemahiran insaniah yang merangkumi kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah, kepimpinan, etika dan spiritual, antaranya menerusi pelaksanaan pentaksiran bersepadu (iCGPA);
- ii) meningkatkan pendidikan keusahawanan bagi memupuk minda keusahawanan dan melengkapkan pelajar dengan kemahiran berniaga;
- iii) mengurangkan program pendidikan tinggi yang tidak relevan kepada keperluan industri;
- iv) meningkatkan penglibatan industri dalam pembangunan kurikulum pendidikan tinggi dan latihan praktikal, antaranya menerusi program akademik berbentuk *2u2i* iaitu 2 tahun pembelajaran di

universiti dan 2 tahun penempatan industri, atau *3u1i* iaitu 3 tahun pembelajaran di universiti dan 1 tahun penempatan industri; dan

- v) meningkatkan program kebolehpasaran graduan (GE) melalui Program Intervensi dan Program Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE).

Dalam pada masa yang sama, pelbagai intervensi turut dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan seperti:

- i) **Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M)** adalah program untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran (*employability*) atau keupayaan graduan untuk mendapat pekerjaan dengan kerjasama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan swasta yang melaksanakan program SL1M sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu Program Temuduga Terbuka SL1M peringkat negeri Sarawak telah diadakan pada 26 dan 27 Mac 2016 bertempat di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK) di mana 100 syarikat swasta, termasuk 20 syarikat gergasi negara dan 42 syarikat besar negeri Sarawak, telah

menawarkan lebih kurang 3,000 peluang latihan dan pekerjaan kepada mereka yang masih menganggur terutamanya kepada mereka yang berada di Sarawak.

ii) ***Graduate Employability Management Scheme (GEMS)***

merupakan program untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan terutamanya dalam bidang ekonomi utama dengan meningkatkan kemahiran para graduan dengan berdasarkan keperluan industri. Program ini melengkapkan graduan dengan kemahiran yang relevan dengan industri dan pengalaman melalui latihan dalam penempatan. Program ini berfokuskan sektor (*sector-focused*) dan berpandukan permintaan oleh sektor-sektor utama.

iii) **Program Pentauliahahan Profesional** di mana para pelajar yang sedang belajar boleh mengikuti program ini bagi mendapatkan sijil yang diiktiraf oleh badan-badan bertauliah dan professional dalam bidang-bidang yang berkaitan;

iv) **Program Finishing School** yang merangkumi latihan dari segi dandanan diri, kefasihan berbahasa Inggeris, penulisan resume, dan kemahiran bagi menghadiri temuduga;

- v) **Apprenticeship Programme** yang memberi penekanan kepada latihan yang menjurus kepada meningkatkan kemampuan graduan untuk merebut peluang pekerjaan di industri utama. Selepas tamat latihan, para peserta yang mengikuti program ini akan ditawarkan pekerjaan di syarikat-syarikat yang menyediakan latihan tersebut.
- vi) **Bridging Gap Programme** yang melengkapkan pengetahuan dan kemahiran graduan mengikut keperluan majikan. Modul latihan yang disediakan adalah dinamik dan fleksibel mengikut keperluan majikan. Setelah tamat, graduan akan ditawarkan pekerjaan di syarikat-syarikat yang terpilih; dan
- vii) **Program Latihan Keusahawanan** yang mendedahkan graduan mengenai dunia keusahawanan dan memupuk minat mereka untuk menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan. Para graduan yang mempunyai atribut yang sesuai akan ditawarkan mengikuti program ini dengan modul-modul khas mengikut sektor-sektor tertentu seperti pertanian, francais dan sebagainya.

Selain itu juga, golongan yang berkelulusan sekolah menengah pula digalakkan untuk menyambung pelajaran mereka di peringkat tertiar bagi membolehkan mereka bersaing dengan lebih baik dengan pekerja

yang berkelulusan lebih tinggi dan mendapat gaji yang lebih lumayan. Di samping itu, Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi dengan menggalakkan industri beralih ke aktiviti rantai nilai yang lebih tinggi. Langkah ini seterusnya dapat meningkatkan permintaan kerja berkemahiran tinggi di kalangan industri dan seterusnya mampu mengurangkan masalah pengangguran di kalangan graduan.

Sekian, terima kasih.

30 Mac 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH
[SETIU]**

TARIKH : 30 MAC 2017 (KHAMIS)

Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta PERDANA MENTERI menyatakan faktor utama Felda memeterai perjanjian pendanaan swasta bersama syarikat asing Singapura, Putra Star Investment Holdings Pte Ltd bagi projek Perumahan Generasi Baharu Felda (PGBF) serta syarat yang dikenakan oleh syarikat tersebut bagi projek ini.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, faktor utama pemilihan Putra Star Investment Holdings Pte Ltd (PSI) sebagai Pembiaya projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) adalah Kemudahan Perbankan yang dimilikinya iaitu kemampuan untuk menyediakan dana dan menyelesaikan pinjaman jangka pendek. Kadar faedah yang dikenakan juga adalah rendah iaitu sebanyak 3% dan tempoh bayaran balik di dalam jangka masa 8 tahun. Selain itu, pembayaran juga sangat fleksibel iaitu 2 tahun selepas *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) diperolehi. Antara syarat oleh Pihak PSI adalah meminta syarikat Perumahan FELDA Sdn. Bhd. (PFSD) yang menguruskan projek PGBF untuk menyediakan Jaminan Kerajaan (*Government Guarantee*) sebagai sekuriti kepada pihak mereka.

Sekian , terima kasih.

NO. SOALAN: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM

TARIKH : 30 MAC 2017

RUJUKAN : 9684

SOALAN:

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

(a) sejak tahun 2010, berapa laporan polis telah dibuat terhadap sindiket dan individu termasuk ahli politik dalam kes-kes penipuan tawaran projek Tanaman Pelbagai Spesis oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan; dan

(b) adakah tangkapan dibuat dan berapa kes telah dirujuk ke mahkamah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), semakan yang dibuat mendapati tiada laporan polis berkaitan penipuan projek Tanaman Pelbagai Spesis oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan.

Walau bagaimanapun, semakan yang dibuat mendapati satu laporan polis pada 13 Januari 2017 berkaitan kes penipuan tentang tawaran pembelian syarikat dan pajakan tanah seluas 402 hektar untuk tanaman kelapa sawit di Kelantan yang melibatkan penggunaan dokumen palsu Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan dan dokumen Majlis Agama Islam Negeri Kelantan.

Disamping itu, terdapat satu lagi laporan polis pada 14 Disember 2016 berkaitan kes penipuan tentang pajakan tanah seluas 500 hektar juga di negeri Kelantan tanpa menyebut tujuan pajakan tanah tersebut.

Bagi menjawab soalan (b), Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak dapat mengulas lanjut berkaitan perkara ini memandangkan pertanyaan ini tidak menyentuh secara spesifik berkaitan kes mana yang dimaksudkan atau merujuk kepada kes yang lain, selain daripada yang dinyatakan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN
BIN ABBAS
KAWASAN : TELOK KEMANG
TARIKH BAHAS : 30 MAC 2017
NO. SOALAN : 26

YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:

- a) senarai projek-projek dalam negara yang sedang dirancang dan sedang dijalankan dengan penglibatan syarikat pelabur dari negara China, nilai projek yang terbabit, serta syarat-syarat yang ditetapkan; dan
- b) Asas penilaian dan pemilihan syarikat-syarikat daripada China dalam mengendalikan projek-projek mega dalam negara pada masa kini.

Jawapan:

1. Bagi tempoh 5 tahun yang lepas (2012 hingga 2016), agensi di bawah MITI yang bertanggungjawab mengenai pelaburan iaitu MIDA, telah meluluskan sebanyak RM 16.4 bilion pelaburan yang melibatkan syarikat-syarikat dari negara China dalam projek-projek perkilangan.
2. Jumlah pelaburan ini mewakili 12 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan asing (RM 140.4 bilion) bagi sepanjang tempoh lima (5) tahun yang lepas (2012 hingga 2016). Dalam tempoh ini, sebanyak 119 projek perkilangan telah diluluskan yang akan menyediakan jumlah peluang pekerjaan sebanyak 28,303.
3. Pahang merupakan negeri terbesar yang menerima pelaburan dari China dengan jumlah pelaburan sebanyak RM 5.5 bilion yang mewakili 34 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan dari China. Ini diikuti oleh Sarawak dengan jumlah pelaburan sebanyak RM 2.4 bilion (15%), Johor sebanyak RM 2.0 bilion (12%), Selangor sebanyak RM 1.75 bilion (11%) dan Penang sebanyak RM 1.71 bilion (10%).

4. Berikut adalah ringkasan projek yang diluluskan yang melibatkan syarikat-syarikat dari negara China dalam sektor perkilangan mengikut pecahan negeri bagi tempoh sepanjang lima (5) tahun yang lepas (2012 hingga 2016):

Negeri	Bilangan Projek	Peluang Pekerjaan	Jumlah Pelaburan (RM)
Pahang	7	5,667	5,504,239,656
Sarawak	5	3,315	2,437,576,912
Johor	23	3,374	2,041,623,710
Selangor	27	3,891	1,748,915,544
Penang	20	5,562	1,705,324,126
Terengganu	3	1,758	1,335,811,280
Negeri Sembilan	8	923	936,672,830
Perak	11	2,327	334,544,545
Kelantan	1	252	186,000,000
Kedah	8	1,021	147,117,766
W.P Kuala Lumpur	2	60	8,018,000
Sabah	3	132	8,017,500
Melaka	1	21	139,809
Jumlah	119	28,303	16,394,001,678

5. Daripada 119 projek yang telah diluluskan tersebut, 86 projek (atau 72 peratus daripada jumlah projek yang telah diluluskan) telah mula beroperasi dengan jumlah pelaburan sebanyak RM 12.4 bilion atau 75 peratus dari jumlah

pelaburan yang telah diluluskan yang akan menyediakan jumlah peluang pekerjaan sebanyak 20,253.

6. Berikut pula merupakan ringkasan projek yang telah mula beroperasi yang melibatkan syarikat-syarikat dari negara China dalam sektor perkilangan mengikut pecahan negeri bagi tempoh sepanjang lima (5) tahun yang lepas (2012 hingga 2016):

Negeri	Bilangan Projek	Peluang Pekerjaan	Jumlah Pelaburan (RM)
Pahang	3	3,879	4,404,039,656
Sarawak	3	2,988	2,266,000,000
Johor	20	3,208	1,999,973,710
Selangor	19	3,160	1,606,109,256
Penang	16	4,746	1,091,209,126
Negeri Sembilan	7	618	781,672,829
Kedah	7	991	146,117,766
Perak	8	577	42,473,100
Terengganu	1	26	9,900,000
W.P Kuala Lumpur	2	60	8,018,000
Jumlah	86	20,253	12,355,513,443

7. Sepanjang tahun 2016, China merupakan negara penyumbang pelaburan asing yang terbesar bagi projek-projek perkilangan yang diluluskan dengan jumlah pelaburan

sebanyak RM 4.7 bilion atau 17 peratus daripada jumlah pelaburan asing bagi sektor perkilangan yang diluluskan sepanjang tahun 2016. Ini diikuti oleh Netherlands dengan jumlah pelaburan sebanyak RM 3.2 bilion (12%), Jerman dan United Kingdom masing-masing dengan jumlah pelaburan sebanyak RM 2.6 bilion (9%).

8. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak menumpukan sumber pelaburan asing daripada sesebuah negara sahaja. Sebaliknya, Kerajaan lebih terbuka untuk menilai sesuatu pelaburan asing dari mana-mana negara asalkan menepati dan bersesuaian dengan dasar semasa negara berhubung pelaburan. Dalam hal ini, kini, Kerajaan menekankan "pendekatan berfokus" dan "pendekatan ekosistem" dalam usaha menarik pelaburan berkualiti dengan memberi penekanan terhadap industri bernilai ditambah tinggi, industri berteknologi tinggi dan berintensifkan modal, industri berintensifkan pengetahuan serta aktiviti-aktiviti R&D yang selaras dengan objektif Kerajaan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.
9. Untuk mengekalkan daya saing, Kerajaan akan terus menambah baik persekitaran perniagaan atau *business*

environment dengan izin. Ini termasuklah penyediaan pelbagai bantuan dalam bentuk fasiliti kemudahan, insentif dan geran bagi memajukan sektor–sektor utama di negara ini seperti sektor perkilangan dan perkhidmatan untuk menarik lebih banyak pelaburan berkualiti.

10. Antara kriteria-kriteria pelaburan berkualiti yang ditekankan oleh Kerajaan termasuklah:

- i. Bernilai ditambah tinggi;
- ii. Berteknologi tinggi;
- iii. Berintensifkan modal;
- iv. Berintensifkan pengetahuan;
- v. Menjalankan aktiviti penyelidikan & pembangunan dan reka bentuk (R&D & D);
- vi. Menyediakan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi;
- vii. Berorientasikan eksport;
- viii. Mempunyai tahap produktiviti yang tinggi;
- ix. Mempunyai rangkaian yang kukuh dengan industri tempatan;
- x. Menjana kesan yang berganda; dan
- xi. Mempunyai kesan yang besar ke atas ekonomi negara.

11. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah menetapkan dan mengenakan beberapa syarat terhadap syarikat-syarikat berpotensi yang ditawarkan insentif dan geran berkaitan pelaburan. Antaranya adalah:

- i. Pencapaian jumlah pelaburan harta tetap yang ditetapkan atau *investment in fixed assets* dengan izin;
- ii. Pencapaian peratusan nilai ditambah yang ditetapkan atau *value-added* dengan izin; dan
- iii. Pencapaian jumlah staf di peringkat pengurusan, teknikal dan penyeliaan yang ditetapkan atau *managerial, technical & supervisory (MTS) staff* dengan izin.

12. Bagi projek-projek strategik atau berteknologi tinggi, Kerajaan juga menggunakan beberapa syarat tambahan seperti berikut:

- i. Pencapaian peratusan perbelanjaan R&D yang ditetapkan;
- ii. Pencapaian peratusan pekerja Sains dan Teknikal yang ditetapkan;
- iii. Pencapaian bilangan kolaborasi dengan Universiti Tempatan atau Institut Penyelidikan yang ditetapkan;

- iv. Pencapaian bilangan penciptaan/pemfailan/pendaftaran Harta Intelek yang ditetapkan atau *Creation, Filing and Registration of Intellectual Property (IPs)* dengan izin;
- v. Pencapaian kewujudan rantai bekalan atau *supply chain* dengan izin, dengan vendor tempatan; dan
- vi. Pencapaian bilangan jurutera R&D tempatan yang ditetapkan.

Asas Penilaian dan pemilihan Syarikat

13. Kerajaan telah menetapkan bahawa mana-mana projek/perolehan Kerajaan hendaklah dilaksanakan oleh syarikat/kontraktor tempatan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat projek/perolehan yang memerlukan kepakaran tertentu dan tidak dapat diperoleh secara tempatan, Kerajaan boleh melantik syarikat luar negara termasuk daripada negara China untuk melaksanakan projek/perolehan tersebut.

14. Pertimbangan yang dibuat semasa pelantikan sesuatu syarikat/kontraktor termasuk syarikat asing adalah melalui proses penilaian yang rapi dengan meneliti cadangan pembiayaan, program kolaborasi industri, pemindahan

teknologi dan sebagainya yang membolehkan Kerajaan mendapat nilai yang terbaik.

15. Pada masa yang sama, Kerajaan akan memastikan sebarang pelantikan syarikat/kontraktor termasuk daripada luar negara akan memberi manfaat kepada negara dan rakyat seperti merangsang ekonomi negara, peluang pekerjaan serta mewujudkan sektor sokongan yang lain.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Seri Haji Ahmad Husni Bin Mohamad Hanadzlah

KAWASAN : Tambun

TARIKH BAHAS: 30 Mac 2017

NO. SOALAN : 27

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa peratuskah eksport dalam sektor pembuatan terdiri dari *end-product*.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

End-product ditafsirkan sebagai barangan akhir yang merangkumi barangan modal, bahan api dan pelincir, barangan pengguna, makanan dan minuman, alat kelengkapan pengangkutan dan lain-lain.

Pada tahun 2016, jumlah eksport di dalam sektor pembuatan Negara bernilai RM645.67 bilion. Daripada jumlah ini, eksport *end-product* adalah 45.3 peratus dengan nilai RM292.17 bilion. Eksport *end-product* pada tahun lepas pula telah menunjukkan peningkatan sebanyak 1 peratus, berbanding dengan RM289.22 bilion pada tahun 2015.

Bagi tahun 2016, tiga produk *end-product* teratas (*top 3 end-products*) adalah barangan modal, bahan api dan pelincir serta barangan pengguna yang secara kumulatifnya merangkumi 90.3 peratus (atau RM263.92 bilion) daripada jumlah eksport barangan *end-product*. Sumbangan barangan modal adalah RM113.64 bilion (38.9 peratus) yang terdiri daripada barangan seperti mesin dan komponen yang digunakan oleh industri. Bahan api dan pelincir yang meliputi minyak kenderaan menyumbang RM79.47 bilion (27.2 peratus). Manakala eksport barangan pengguna pula mencecah RM70.81 bilion (24.2 peratus) termasuk eksport pakaian, kasut, barang kemas dan perhiasan rumah.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui agensinya, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) akan terus mempromosikan eksport barangan *end-product* secara global.

NO. SOALAN: 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN M. KULA SEGARAN A/L V.
MURUGESON**

TARIKH : 30 MAC 2017

RUJUKAN : 9804

SOALAN:

**Tuan M. Kula Segaran A/L V. Murugeson [Ipoh Barat] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) berkenaan Pendakwah Zakir Naik yang dikatakan terlibat dalam aktiviti terorisme di beberapa negara. Mengapakah negara kita masih belum menghalang dia memasuki negara kita; dan

(b) nyatakan jumlah orang yang dihalang memasuki negara kita (mengikut negara masing-masing) daripada tahun 2010-2017.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) akan menyenaraihitamkan semua individu yang dianggap membawa ancaman kepada keselamatan dan ketenteraman negara berdasarkan maklumat yang disalurkan oleh Agensi Penguatkuasa yang berkaitan. Seseorang individu tidak akan disenaraihitamkan hanya berdasarkan laporan media melainkan Agensi Penguatkuasa yang bertanggungjawab menyalurkan maklumat berkaitan untuk tindakan JIM.

Dalam hal ini, dimaklumkan bahawa pendakwah Zakir Naik tidak tersenarai sebagai entiti pengganas dalam senarai *United Nations Security Council Resolution (UNSCR) 1988* dan senarai UNSCR 1267. Sehubungan itu, JIM tiada halangan ke atas kemasukan individu tersebut kerana beliau tidak melanggar undang-undang negara.

Bagi menjawab soalan (b), untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, jumlah orang yang dihalang memasuki negara dari tahun 2010 hingga tahun 2017 adalah seramai 1,220,054 orang.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN [AMPANG]**

TARIKH : 30 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN:

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah ada usaha untuk menyemak modul kursus perkahwinan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam berasaskan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI) ini telah dilaksanakan sejak tahun 1998. Ia diberikan kepada bakal atau pasangan yang akan berkahwin. Kursus ini adalah sebagai pendedahan awal tentang konsep dan tujuan perkahwinan dengan menjadikan Islam sebagai panduan dalam kehidupan rumahtangga. Selain itu, ia juga sebagai salah satu usaha meminimumkan permasalahan di kalangan pasangan suami isteri.

Dalam usaha meningkatkan kualiti pelaksanaan kursus ini, Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam akan sentiasa ditambahbaik dari semasa ke semasa. Semakan kali kedua telah dibuat pada tahun 2011 dengan menambahbaik beberapa kandungan dalam modul serta kaedah penyampaian seperti slide taklimat yang lebih menarik dan video berkaitan bagi setiap topik.

Berdasarkan keputusan Persidangan Ketua Pendaftar Nikah Cerai dan Rujukan' Seluruh Malaysia Kali Ke-35 telah memutuskan supaya modul ini disemak dan ditambahbaik berdasarkan keperluan semasa. Oleh itu, mulai akhir tahun 2016, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengadakan perbincangan awal dan telah melantik Jawatankuasa Semakan dan Penggubal yang terdiri dari kalangan agensi kerajaan, ahli akademik, dan wakil Jabatan Agama Islam Negeri-negeri. Penambahbaikan ini melibatkan perubahan dan penambahbaikan topik serta kandungan modul. Semakan semula modul ini amat penting bagi memastikan segala kandungan yang disampaikan menepati kehendak peserta dan mencapai matlamat utama kursus ini.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL

TARIKH : 30 MAC 2017

RUJUKAN : 9685

SOALAN:

Dato' Haji Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bentuk pembaharuan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) serta peranan anggota RELA dalam membanteras komoditi bersubsidi yang diseludup keluar dari negara kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sejak penubuhan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) 45 tahun yang lalu, beberapa pembaharuan termasuk menggerakkan inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) telah dilaksanakan. Antara pembaharuan dan inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

- i. Memperluaskan peranan RELA berlandaskan kepada perkhidmatan kepada rakyat, kos efektif dan pelaksanaan pantas;**
- ii. Memperkemaskan semula imej Jabatan melalui pemakaian Pakaian Operasi Digital (POD);**
- iii. Memantapkan disiplin, integriti dan akauntabiliti warga RELA melalui Pelan Integriti Organisasi RELA yang telah dilancarkan pada 11 Februari 2017;**
- iv. Mengemaskinikan struktur organisasi Jabatan melalui penstrukturan gred jawatan baru Pegawai;**

- v. **Melebarkan Program Bakti RELA dalam meningkatkan kesejahteraan dan keharmonian rakyat;**
- vi. **Mengaktifkan semula Pusat Khidmat Komuniti RELA (PKKR) yang terpilih bagi melancarkan operasi, program, aktiviti, keselamatan, kemasyarakatan dan kemanusiaan di kawasan setempat;**
- vii. **Meningkatkan pelaksanaan latihan kepada anggota RELA melalui Kursus Pengenalan dan Kursus Asas RELA serta membangunkan *Crisis Management Team* (CMT) Pegawai Tetap Jabatan;**
- viii. **Pembangunan Modal Insan dalam memantapkan pengurusan Jabatan dan konsolidasi platun di setiap daerah; dan**
- ix. **Meremajakan RELA dengan penambahan anggota daripada generasi muda.**

Berhubung dengan peranan Anggota RELA dalam membanteras komoditi bersubsidi yang diseludup keluar dari negara kita, pada tahun 2012 dan 2013, RELA pernah diberi tanggungjawab untuk membantu Kerajaan membanteras penyeludupan minyak petrol RON95 dan minyak diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak berhampiran sempadan Malaysia-Thailand dan sempadan

Malaysia-Singapura. Peranan tersebut telah dihentikan apabila peruntukan untuk membayar elaun petugas tidak mencukupi.

Terkini, RELA telah diarahkan untuk membantu Kerajaan menangani masalah penyeludupan di sempadan Sabah-Indonesia dan Sarawak-Indonesia yang mana cadangan tersebut sedang diperhalusi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAPAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG
[KLUANG]**

SOALAN : 31

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berkenaan projek landasan kereta api berkembar Gemas-Johor Bahru :-

- (a) tarikh projek dijangka mula dan jangkaan siap pembinaan dan nilai kontrak yang ditandatangani dengan kontraktor utama Konsortium CREC-CRCC-CCCC; dan
- (b) apakah pertimbangan Kerajaan dalam memberi pengecualian syarat kepada Konsortium CREC-CRCC-CCCC memandangkan dasar Kerajaan selama ini tidak membenarkan syarikat milik asing 100% menjadi kontraktor utama untuk projek infrastruktur awam tanpa "joint venture" dengan syarikat tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Landasan Berkembar Elektrik dari Gemas ke Johor Bahru telah diberi milik tapak pada 1 Disember 2016 dan jangkaan siap pembinaan pada 30 November 2020 . Nilai kontrak yang ditandatangani oleh kontraktor utama iaitu Konsortium CRCC CREC CCCC adalah RM8,900,000,000.00.

- b) Kontrak Projek Landasan Berkembar Elektrik dari Gemas ke Johor Bahru telah menetapkan bahawa 50% daripada nilai kerja diberi kepada kontraktor tempatan. Buat masa ini, Kerajaan dalam proses penilaian kontraktor tempatan yang berwibawa untuk melaksanakan kerja tersebut.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **Lisan**
- DARIPADA** : **Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis]**
- TARIKH** : **30 Mac 2017**
- SOALAN** : **Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan secara jelas usaha dan bantuan kerajaan kepada pengusaha kelapa dalam menggalakkan sektor penanaman kelapa yang mana ianya sudah diisytiharkan sebagai bahan komoditi pada baru-baru ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah menyediakan beberapa bantuan kepada pengusaha dalam menggalakkan sektor penanaman kelapa. Antaranya adalah :

- a) Projek penanaman semula kelapa dengan varieti berhasil tinggi seperti kelapa hybrid MATAG, Pandan, *Malayan Yellow Dwarf* (MYD) dan *Malayan Red Dwarf* (MRD). Kadar bantuan maksimum adalah sebanyak RM20,000/ha untuk tempoh 4 tahun;
- b) Projek pemulihan kawasan kebun kelapa yang masih produktif. Kadar bantuan maksimum sebanyak RM5,500/ha untuk tempoh 3 tahun; dan
- c) Projek integrasi kawasan kelapa dengan tanaman lain. Kadar bantuan maksimum sebanyak RM10,000/ha setahun;

Selain daripada itu, Jabatan Pertanian bersama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) sedang giat menjalankan pengeluaran benih yang berkualiti tinggi dan boleh memberikan hasil optimum seperti Matag dan Pandan. Benih ini akan dibekalkan kepada pengusaha bagi membantu meningkatkan pengeluaran. Namun demikian, kapasiti pengeluaran benih ini masih dipertingkatkan dengan kerjasama syarikat swasta bagi memenuhi keperluan pengusaha.

Selain itu, mekanisasi dan automasi industri kelapa seperti alat pemanjat kelapa, mesin pengupas sabut kelapa, mesin penghancur sabut dan penghasilan hampas kelapa (*cocopeat*) dan mesin pemerah VCO merupakan inovasi DOA dan MARDI yang boleh diaplikasikan oleh petani bagi mempercepatkan dan memudahkan proses penuaian dan lepas tuai selain mampu dimiliki oleh usahawan kecil dan sederhana.

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bersama-sama DOA juga telah melaksanakan model pengurusan berpusat di Bagan Datuk dan Hutan Melintang di daerah Hilir Perak melibatkan kawasan seluas 187.5 hektar sejak tahun 2009 membabitkan seramai 123 peserta. Model ini bertujuan untuk mengeluarkan dan memasarkan hasil kelapa secara berpusat dan bersepadu melalui tanah-tanah milik ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Model ini dilihat berupaya meningkatkan pengeluaran kelapa dan berikutan itu ia boleh dikembangkan ke lokasi lain yang berpotensi seperti di Selangor dan Johor.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]
TARIKH : 30 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 33

YB Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pihak Kerajaan melalui NADMA menyalurkan bantuan membina semula infrastruktur awam di Kampung Tanjung Kapor, Kudat yang telah mengalami kebakaran mega tahun lalu yang telah menyebabkan keperluan peruntukan khusus untuk membina infrastruktur seperti jalan kampung dan jambatan konkrit serta subsidi bahan binaan untuk mereka membina semula rumah.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Susulan daripada kejadian kebakaran di Kg. Tanjong Kapor, Kudat yang melibatkan sebanyak 208 buah rumah dan 277 keluarga, YAB Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan kecemasan berjumlah RM2,000,000 daripada peruntukan Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN). Peruntukan kecemasan ini adalah bertujuan untuk projek penyusunan semula penempatan dan infrastruktur yang terlibat dalam kejadian kebakaran tersebut. Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) selaku agensi yang bertanggungjawab ke atas Tabung KWABBN telah mengeluarkan Surat Kuasa Pelaksanaan Kerja kepada Pejabat Daerah Kudat melalui surat bertarikh 7 Februari 2017.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN N SURENDRAN A/L
K NAGARAJAN [PADANG SERAI]**

TARIKH : 30 MAC 2017

SOALAN :

YB Tuan N Surendran A/L K Nagarajan [Padang Serai] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 supaya Perdana Menteri tiada lagi peranan dalam pelantikan Ahli Suruhanjaya.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan YAB Perdana Menteri berkaitan dengan pelantikan Anggota Suruhanjaya telah diperuntukkan dalam perenggan 5(1)(e) dan (f) Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695). Bagi pelantikan Anggota Suruhanjaya dari kalangan orang terkemuka, YAB Perdana Menteri perlu berunding dengan majlis, persatuan dan perkhidmatan perundangan yang berkaitan seperti Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Undang-Undang Sabah, Persatuan Peguam Bela Sarawak, Peguam Negara Persekutuan, Peguam Besar Perkhidmatan Perundangan Negeri atau mana-mana badan berkaitan yang lain sebelum pelantikan dibuat.

Oleh yang demikian, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta 695 berkaitan dengan peranan YAB Perdana Menteri dalam pelantikan Anggota Suruhanjaya memandangkan peruntukan sedia ada telah mengambilkira penglibatan banyak pihak dalam proses untuk melantik Anggota Suruhanjaya.

Sekian, terima kasih.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU
[SARIKEI – DAP]**

TARIKH : 30 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN NO. 35

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah kos untuk menyediakan Sukan SEA 2017 di Malaysia. Apakah pendapatan dan faedah-faedah yang akan dapat dinikmati oleh negara kita. Apakah jenis sukan akan diadakan di Sarawak.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2017, sejumlah RM 550 juta telah diperuntukan oleh pihak kerajaan bagi tujuan pengelolaan temasya Kuala Lumpur 2017. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM 50 juta diperuntukan untuk persediaan atlet di bawah program 'Kita Juara'.
2. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sedang berusaha untuk mendapatkan sebanyak mana penajaan sama ada dalam bentuk tunai, barangan ataupun perkhidmatan. Sekretariat Kuala Lumpur 2017 (MASOC) yang diketuai oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Zolkples Embong (mantan Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara) sedang melaksanakan tanggungjawab ini dan sasaran penajaan adalah sebanyak RM 80 juta di mana RM 30 juta dalam bentuk tunai dan RM 50 juta pula bagi barangan / perkhidmatan.
3. Dalam aspek ekonomi dan pelancongan, pengelolaan temasya ini diharap dapat menarik lebih ramai pelancong dari negara-negara ASEAN untuk turut sama memeriahkan temasya dan juga dapat meningkatkan ekonomi dan hasil pendapatan negara. Melalui kajian yang telah dibuat mendapati daripada jumlah dana yang telah diperuntukan bagi pengelolaan temasya Kuala Lumpur 2017 ianya

SULIT

mampu untuk menjana pendapatan ekonomi negara sehingga RM 954 juta dengan pulangan cukai sebanyak RM16.4 juta.

4. Semua venue pertandingan adalah di sekitar Lembah Klang yang melibatkan 38 jenis sukan melibatkan 405 acara kecuali sukan pelayaran yang akan dipertandingkan di Langkawi dan acara kuda lasak yang akan dipertandingkan di Lembah Bidong, Setiu, Terengganu. Tiada sukan dan acara yang melibatkan venue di negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]**

TARIKH : 30 MAC 2017

SOALAN :

YB Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada portfolio-portfolio bagi Menteri-Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan disusun semula supaya tidak wujudnya keadaan di mana sesetengah Menteri dibebankan dengan portfolio yang berat manakala sesetengah Menteri pula yang kurang portfolio diagihkan kepada mereka.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua Menteri yang dilantik di bawah Jabatan Perdana Menteri, masing-masing berperanan khusus dan bertanggungjawab terhadap agensi-agensi spesifik yang berada di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sebarang penyusunan semula portfolio Menteri-Menteri di bawah Jabatan Perdana Menteri akan dibuat mengikut keperluan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG

TARIKH : 30 MAC 2017

RUJUKAN : 9686

SOALAN:

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tatacara piawaian, atau *standard operating procedure* (SOP) yang diguna pakai oleh pihak penguatkuasa berhubung pihak samseng jalanan ataupun "mat rempit" yang sejak kebelakangan ini semakin berleluasa menjalankan kegiatan pelesit rempit pada setiap hujung minggu di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam konteks Polis Diraja Malaysia (PDRM), pendekatan yang diambil lebih menjurus kepada tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti “Mat Rempit” yang merupakan satu penyakit sosial dan boleh memudaratkan kepada penunggang itu sendiri serta pengguna jalan raya yang lain.

Antara tindakan tegas yang diambil dalam usaha membanteras kegiatan “Mat Rempit” adalah seperti berikut:-

- i) Menangkap dan mendakwa Penunggang**
Penunggang yang menyertai kegiatan “Mat Rempit” akan disiasat dan didakwa di bawah Seksyen 42 (1), Seksyen 81(1), Seksyen 44 dan Seksyen 45 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (APJ) atau di bawah Seksyen 279 Kanun Keseksaan;

- ii) Op Tutup atau *Element Of Surprise***
Op Tutup dijalankan di sesuatu lokasi yang dikenal pasti sebagai tempat berkumpul kumpulan “Mat Rempit”. Selain daripada pihak polis, Op Tutup ini turut disertai oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);

- iii) Tindakan merampas dan menyita motosikal**
Setiap motosikal yang terlibat dalam kesalahan di bawah Seksyen 42 (1) APJ 1987 atau motosikal yang tidak mempunyai cukai jalan atau motosikal yang diubahsuai atau menunggang tanpa lesen memandu dan apa-apa juga kesalahan di bawah APJ akan disita di bawah Seksyen 64 APJ 1987. Motosikal yang disita ini boleh ditahan selama 3 bulan dan dalam tempoh tersebut pemilik berdaftar boleh menuntut kembali motosikalnya;
- iv) Tindakan terhadap pemilik berdaftar dan penunggang**
Tuan punya motosikal yang membenarkan motosikalnya digunakan oleh individu lain akan diambil tindakan di bawah Seksyen 23 APJ atau Seksyen 51 APJ jika terdapat kesalahan jalan raya terhadap penunggang motosikal tersebut. Langkah ini diambil untuk menyedarkan ibu bapa atau penjaga supaya tidak membenarkan anak-anak mereka menunggang motosikal tanpa lesen atau terlibat dalam aktiviti yang tidak sihat;
- v) Menunggang di bawah pengaruh alkohol**
Penunggang motosikal yang ditahan dan disyaki mengambil alkohol akan dibuat ujian pernafasan dengan menggunakan peralatan *Evidential Breath Analyzer* (EBA) dan jika tahap kandungan alkohol dalam badan melebihi tahap yang dibenarkan, penunggang motosikal

terbabit akan diambil tindakan mengikut Seksyen 45A, APJ 1987 di mahkamah.

- vi) **Ujian air kencing ke atas penunggang dan pembonceng.** Dijalankan ke atas penunggang dan pembonceng motosikal yang disyaki mengambil dadah. Sekiranya disahkan positif dadah, mereka akan dikenakan tindakan di bawah seksyen-seksyen berikut:-
 - a) **Seksyen 15 (1) Akta Dadah Berbahaya**
 - b) **Seksyen 3 Akta Penagih Dadah**
 - c) **Seksyen 36 (1) APJ 1987**

- vii) **Mendidik penunggang-penunggang motosikal supaya lebih berhemah di jalan raya**
PDRM bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran, Syarikat Swasta, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), pihak media dan lain-lain jabatan Kerajaan untuk mendidik penunggang motosikal melalui kempen dan aktiviti seperti "*Shell Game*" serta "*Road Traffic Campaign*" oleh Shell Malaysia; dan

- viii) **Kerja amal (khidmat masyarakat)**
Pesalah-pesalah juvana yang disabit kesalahan di bawah Seksyen 42 (1) APJ 1987 akan diperintah oleh mahkamah untuk melakukan kerja amal di bawah pemantauan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Langkah ini diambil bagi mendidik golongan ini untuk menginsafi kesalahan yang

telah dilakukan. Perkara ini misalnya telah dilaksanakan oleh pihak Mahkamah Trafik Kuala Lumpur.

Adalah diharapkan segala usaha yang telah diambil oleh PDRM dengan kerjasama pelbagai pihak, gejala “Mat Rempit” ini dapat ditangani sebaiknya. Namun apa yang lebih penting adalah peranan yang perlu dimainkan oleh ibu bapa dan masyarakat dalam mendidik anak-anak serta mengawasi pergerakan mereka supaya tidak terjebak dengan aktiviti yang tidak berfaedah dan boleh merosakkan masa depan mereka.

NO. SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD. SAMAD

TARIKH : 30 MAC 2017

RUJUKAN : 9687

SOALAN:

Tuan Khalid Bin Abd. Samad [Shah Alam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status kes siasatan pembunuhan Datuk Shahrudin Ibrahim, Mantan Timbalan Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kes pembunuhan Timbalan Pengarah II, Jabatan Kastam, Datuk Shaharuddin Ibrahim berlaku pada 26 April 2013 jam 8.15 pagi di susur keluar ke lampu isyarat, Lebu Wawasan, Jalan P7G, Presint 7, Putrajaya. Dalam kejadian tersebut, mangsa telah ditembak sebanyak 3 das oleh 2 orang lelaki bermotosikal. Kes disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Sehingga kini PDRM telah menangkap 9 orang suspek bagi membantu siasatan dan kertas siasatan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya untuk arahan lanjut. Walau bagaimanapun, pihak Timbalan Pendakwaraya mendapati tiada keterangan yang kukuh untuk menuduh suspek di Mahkamah. Pihak polis masih meneruskan siasatan untuk mencari petunjuk baru.

NO. SOALAN : 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK SAPAWI BIN HAJI WASALI @
AHMAD [SIPITANG]**

TARIKH : 30 MAC 2017

SOALAN :

YB. Datuk Sapawi Bin Haji Amat Wasali @ Ahmad [Sipitang] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah penutupan pejabat-pejabat pelancongan di beberapa negeri tidak menjejaskan kemajuan industri pelancongan negara, dan berapa banyak penjimatan diperolehi menerusi langkah tersebut.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penutupan pejabat-pejabat negeri Tourism Malaysia tidak akan menjejaskan kemajuan industri pelancongan negara. Tourism Malaysia akan menutup 10 pejabat negeri dan mewujudkan 4 pejabat wilayah seperti berikut :

- i. Wilayah Tengah di Kuala Lumpur
(Meliputi : Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan)

- ii. Wilayah Utara di Pulau Pinang;
(Meliputi : Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis)

- iii. Wilayah Selatan di Johor;
(Meliputi : Johor dan Melaka)

- iv. Wilayah Pantai Timur di Pahang
(Meliputi : Pahang, Kelantan dan Terengganu)

Bagi Sabah dan Sarawak, kedua-dua Pusat Penerangan Pelancongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Kuching akan diperbesarkan dan bertindak sebagai "mini Tourism

Malaysia". Tourism Malaysia akan juga mengekalkan Pusat Penerangan Pelancongan (TIC) di negeri-negeri seperti sedia ada.

Fungsi pejabat-pejabat wilayah Tourism Malaysia adalah seperti berikut :

- i. Menguruskan kesemua Pusat Penerangan Pelancongan di setiap negeri;
- ii. Bertindak sebagai sudut rujukan/ nasihat kepada penggiat industri pelancongan seperti hotel, agensi pelancongan, pengusaha produk pelancongan dan persatuan-persatuan pelancongan dalam kempen promosi pelancongan;
- iii. Mengkordinasi aktiviti promosi pelancongan domestik berdasarkan program yang diusahakan oleh ibu pejabat.
- iv. Membantu segala inisiatif kajian-kajian berkaitan pelancongan yang dibuat oleh Tourism Malaysia dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan;
- v. Mengemaskini segala inventori produk-produk pelancongan di setiap negeri agar dapat diwujudkan pakej-pakej dan dipromosikan.

Hasil daripada penutupan 11 buah pejabat negeri Tourism Malaysia manakala 4 akan dikekalkan menjadi Pejabat Wilayah *Tourism Malaysia*, sejumlah RM 4.6 juta dijangka akan diijamatkan setiap tahun daripada aktiviti promosi, sewa pejabat, utiliti, penyelenggaraan dan perbelanjaan kenderaan pejabat

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 040

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 30 MAC 2017 (KHAMIS)

NO. RUJUKAN :

SOALAN :

YB. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah-langkah Kerajaan Pusat, melalui Majlis Perhutanan Negara (MPN) untuk mengawal "over logging" oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri dan pembalok haram hingga mengakibatkan ancaman tanah runtuh serta banjir besar yang mendatangkan bahaya dan kerugian harta benda kepada rakyat jelata.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Perhutanan Negara (MPN) ditubuhkan dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) Ke-22 pada 20 Disember 1997 untuk membolehkan Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat mengadakan perundingan dari semasa ke semasa supaya semua isu berkaitan dengan dasar, pentadbiran dan pengurusan perhutanan dapat diselaraskan dan diselesaikan selaras dengan kepentingan nasional. Walau bagaimanapun, Mesyuarat Ke-66 MTN pada tahun 2011 telah menggabungkan semula Majlis Perhutanan Negara dan Majlis Mineral Negara (MMN) ke dalam MTN bagi membincangkan dasar dan perundangan untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah bagi perkara-perkara berkaitan pentadbiran tanah, isu-isu perlombongan dan perhutanan.

Majlis Tanah Negara (MTN) diwujudkan selaras dengan Perkara 91(3) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan supaya mesyuarat MTN hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh Menteri-Menteri Besar. MPN telah menetapkan instrumen kawalan penting bagi mengawal pembalakan melalui penetapan Catuan Tebangan Tahunan (CTT). CTT merupakan keluasan hutan pengeluaran di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang boleh diusahakan dalam tempoh sesuatu Rancangan Malaysia. CTT ditetapkan dengan tujuan untuk memastikan perancangan pengurusan hutan yang teratur dan berkesan bagi mengimbangi kadar pengusahaan dengan keluasan hutan pengeluaran dalam HSK

semasa, sejajar dengan konsep pengurusan hutan secara berkekalan (*Sustainable Forest Management-SFM*) dan pengusahaan hutan yang optimum.

Setiap Negeri hanya dibenarkan untuk melaksanakan aktiviti pengusahaan hutan pada kadar CTT yang telah ditetapkan. (ii) Hanya pokok yang matang dan ditanda untuk ditebang sahaja yang boleh diusahahasil. Sementara itu, pokok-pokok yang mempunyai nilai perlindungan seperti pokok ibu, pokok buah-buahan untuk kepentingan hidupan liar dan spesies-spesies pokok yang dikategorikan sebagai Sangat Terancam, Terancam dan Jarang Ditemui (Endangered, Rare and Threatened-ERT) tidak dibenarkan untuk ditebang. Di samping itu, kawasan-kawasan yang mempunyai nilai perlindungan yang terdapat dalam kawasan pengusahaan seperti sepanjang zon penamparan sungai, kecerunan melebihi 40°, jenut hidupan liar (salt-licks) dan kawasan sensitif alam sekitar perlu dikekalkan.

Jabatan Perhutanan akan menetapkan had pengeluaran bagi setiap kawasan yang diusahasil dan had pengeluaran ini perlu dipatuhi oleh pengusaha supaya tidak berlaku pengusahaan melebihi had pengeluaran dan pelesen adalah disyaratkan supaya menyediakan Rancangan Mengusahasil Hutan sebelum lesen pengusahaan hutan dikeluarkan. Rancangan Mengusahasil Hutan hendaklah disahkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri.

Kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sentiasa komited dalam membanteras pembalakan haram. Langkah yang telah diambil termasuklah memperkemaskan mekanisma penguatkuasaan hutan melalui program *National Blue Ocean Strategy*

(NBOS) seperti 1 Malaysia *Biodiversity Enforcement Operation Network* (1MBEON) dan *Centralised Enforcement Team* (CET), penubuhan Pasukan Elit Penguatkuasaan JPSM (*JPSM Elite Team*) dan penggunaan teknologi dan peralatan terkini seperti *Forest Monitoring Using Remote Sensing* (FMRS), *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV), *Geographical Information System* (GIS), *Hyperspectral sensors* dan *Global Positioning System* (GPS) semasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan hutan dan pemantauan pencerobohan hutan.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI MOHD FASIAH BIN MOHD FAKEH

TARIKH : 30.3.2017

SOALAN : NO. 41

Datuk Haji Mohd Fasih Bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar perubatan di semua universiti awam (UA) masa kini dan nyatakan bilangan yang mendapat bantuan kewangan termasuklah biasiswa JPA, pinjaman PTPTN dan lain-lain sumber serta nyatakan bilangan pelajar yang tidak mendapat apa-apa bantuan kewangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Statistik Pendidikan Tinggi Negara tahun 2016, bilangan enrolmen pelajar perubatan peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Awam (UA) adalah seramai 12,265 orang.

Daripada jumlah tersebut, seramai 1,443 orang pelajar telah mendapat penajaan daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Ianya melibatkan pecahan seramai 822 orang pelajar masih meneruskan pinjaman PTPTN dan 621 orang pelajar telah membatalkan pinjaman kerana mendapat tajaan lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ
[RAUB]**

TARIKH : 30 MAC 2017 (KHAMIS)

**Dato' Mohd Ariff Sabri Bin Abdul Aziz [Raub] minta PERDANA
MENTERI menyatakan berapakah defisit pendapatan FELDA per tahun
sekarang dan bagaimana FELDA menampung defisit tersebut.**

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah melaksanakan pemakaian Piawaian Pelaporan Kewangan atau *Financial Reporting Standards* ("FRS") mulai tahun kewangan 2006 dan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA3.1/2013 – Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan tahunan yang diaudit. Seterusnya, FELDA telah mengguna pakai FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran mulai tahun kewangan 2010 yang memerlukan pendedahan dalam Penyata Kewangan untuk mengambil kira nilai saksama (*fair value*). Nilai saksama merupakan anggaran rasional dan tidak berat sebelah daripada harga pasaran potensi yang baik, perkhidmatan atau aset. Anggaran ini mengambil kira penjejasan nilai apabila kos yang diakaunkan melebihi nilai saksama.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2015, FELDA telah mencatatkan kurangan pendapatan atas perbelanjaan sebanyak RM884.6 juta. Jumlah defisit ini adalah semakin berkurangan secara konsisten sejak tahun 2013 yang merupakan satu perkembangan positif untuk FELDA.

Defisit tersebut ditanggung dengan melaksanakan langkah penjimatan serta mendapatkan pinjaman daripada beberapa institusi kewangan. Defisit yang berkurangan serta kedudukan kewangan FELDA yang kukuh telah meyakinkan institusi kewangan untuk memberi pinjaman

kepada FELDA. Ini bagi memastikan peranan FELDA sebagai agensi yang menyediakan kemudahan yang mencukupi dan moden di rancangan FELDA, memastikan generasi peneroka seterusnya berpendidikan tinggi untuk meningkatkan sosio ekonomi dan kualiti hidup mereka seterusnya memastikan rancangan FELDA dapat menjana pelbagai aktiviti ekonomi di samping merapatkan jurang antara bandar dan kawasan bandar kecil dapat diteruskan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA

TARIKH : 30.3.2017

SOALAN : NO. 43

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Musa [Ketereh] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi mewujudkan tabung pinjaman pendidikan seperti PTPTN kepada penuntut universiti luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kementerian Pendidikan Tinggi menawarkan penajaan kewangan kepada kakitangan akademik di Universiti Awam (UA) bagi melanjutkan pengajian peringkat pasca siswazah di luar negara. Penajaan ini diberikan di bawah Program Sub Kepakaran atau Pasca Kedoktoran yang bertujuan meningkatkan mutu pengajaran dan pendidikan di UA melalui pewujudan tenaga pengajar berkualiti.

Buat masa ini, tawaran pinjaman oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional adalah untuk pendidikan dalam negara sahaja.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 30.3.2017

SOALAN :

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) status dan dapatan kajian jawatankuasa bebanan guru yang sepatutnya dibentangkan pada Disember 2016; dan
- (b) status perluasan Program Rintis Pemantapan Profesion Guru (PPG).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kajian mengenai tugas dan tanggungjawab guru merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mendapatkan perspektif guru-guru terhadap tugas dan tanggungjawab di sekolah. Kajian tersebut bertujuan untuk melaksanakan penilaian dalaman di peringkat Kementerian bagi memantapkan peranan dan tugas guru-guru. Kajian ini telah lengkap dan sedang diperhalusi di peringkat Pengurusan Tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (b) Salah satu inisiatif *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) iaitu *Repositioning of Teacher's Core Duties*, di bawah sub inisiatif mengurangkan beban kerja pentadbiran guru yang juga dikenali sebagai Program Pemantapan Profesion Guru (PPG), sejumlah 421 Pembantu Guru telah dilantik secara Pekerja Sambilan Harian (PSH) di sekolah-sekolah terlibat seluruh negeri Melaka dan Kedah. Tempoh perkhidmatan 421 Pembantu Guru tersebut telah dilanjutkan sehingga bulan Mac 2017.

Kekangan utama yang dihadapi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk tujuan peluasan program ini adalah peruntukan kewangan yang terhad. Walau bagaimanapun, banyak program-program lain telah dilaksanakan bagi memantapkan profesion guru.

NO. SOALAN: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD

TARIKH : 30 MAC 2017

RUJUKAN : 9688

SOALAN:

Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kementerian ada perancangan untuk mengeluarkan VOA (Visa On Arrival) untuk pelancong dari Negara China ke Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kemudahan *Visa on Arrival* (VOA) telah diperkenalkan semula kepada warga Republik Rakyat China (RRC) dan India dengan syarat pelancong perlu memasuki Malaysia melalui negara ketiga. Kemudahan VOA telah diberikan kepada pelancong RRC dan India yang datang daripada Singapura dan Thailand pada 1 Januari 2014. Kemudahan ini telah dipanjangkan kepada pelancong RRC dan India yang datang daripada Indonesia pada 1 Oktober 2015.

NO. SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI

TARIKH : 30 MAC 2017

RUJUKAN : 9689

SOALAN:

Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali [Gombak] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Program E-Kad (Enforcement Card) bakal dilaksanakan merupakan kegagalan berterusan dasar Kerajaan untuk beralih daripada aktiviti intensif buruh kepada aktiviti berkemahiran tinggi berasaskan automasi.

Mana-mana Majikan yang didapati menggaji PATI tanpa berdaftar di bawah program-program yang berkuatkuasa akan dikenakan hukuman yang berat mengikut perundangan sedia ada melibatkan kesalahan menggaji PATI seperti mana tertakluk di bawah seksyen 55 (B) Akta Imigresen 1959/63 yang mengenakan hukuman denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TAN SRI DATO' HAJI
MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN [PAGOH]**

TARIKH : 30 MAC 2017

SOALAN :

YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin [Pagoh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab beliau tidak menunaikan janji untuk mendedahkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai status kewangan terperinci dan situasi sebenar masalah dalam syarikat 1MDB bagi pengetahuan rakyat Malaysia seperti yang dinyatakan beliau dalam tulisan di portal najibrazak.com pada bulan Mei 2015.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan Ketua Audit Negara mengenai 1MDB adalah khusus untuk Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC). Laporan tersebut telah dibincangkan oleh PAC sebelum memuktamadkan Laporan PAC berkenaan Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1MDB yang telah dibentangkan di Parlimen pada 7 April 2016.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 30 MAC 2017

SOALAN

DR. ONG KIAN MING [SERDANG] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan pertimbangan-pertimbangan Kerajaan dalam melaksanakan rancangan janakuasa hidro-elektrik Ulu Telom berdekatan Pos Lanai, Pahang, serta memberi maklumat terperinci termasuk anggaran kos pembangunan keseluruhan, anggaran keluasan permukaan bumi yang bakal ditenggelami (*impoundment area*), bilangan penduduk asal dan senarai penuh kampung-kampung yang dipengaruhi dan/atau perlu dipindah semula.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan masih belum membuat keputusan bagi membangunkan Projek Hidro Elektrik Telom. Sebarang keputusan yang akan dibuat oleh Kerajaan kelak, akan mengambil kira peranan loji jana kuasa tersebut dalam memenuhi keperluan bekalan elektrik di Semenanjung serta turut mengambil kira faktor-faktor ekonomi dan sosial.
2. Berdasarkan kajian-kajian yang dibuat sehingga kini, anggaran keluasan kawasan yang akan ditenggelami ialah 7,800 hektar. Antara kawasan yang terlibat ialah 6 buah kampung lama orang asli iaitu Kampung Harung, Kampung Nyentil, Kampung Perangkap, Kampung Lanai Baru, Kampung Kuala Suar dan Kampung Tisut. Semua penduduk di kampung-kampung tersebut telah dipindahkan ke penempatan baharu pada tahun 2012. Oleh itu, pelaksanaan Projek Hidro Elektrik Ulu Telom, sekiranya dilaksanakan kelak, tidak akan melibatkan perpindahan semula penduduk-penduduk kampung-kampung tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : 30.3.2017

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kewajaran di belakang keputusan untuk mengurangkan sewa tapak menara telekomunikasi 1BRIS yang dipasang di kawasan sekolah daripada RM1,200 sebulan kepada hanya RM10 sebulan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar sewaan bulanan untuk tujuan peletakan struktur menara telekomunikasi 1BRIS adalah sebanyak RM10.00 sebulan bagi setiap tapak di sekolah-sekolah yang terpilih adalah seperti mana mengikut nilai yang diberikan oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Kadar ini diluluskan oleh PTP berdasarkan rayuan pembekal kerana pembinaan struktur 1BRIS ini bertujuan untuk pendidikan dan memperluaskan capaian internet ke sekolah-sekolah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]

TARIKH : 30 MAC 2017

SOALAN

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [KOTA KINABALU] minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi menampung bekalan tenaga elektrik di Kota Kinabalu. Ini kerana terdapat beberapa projek mega di sekitar kawasan Kota Kinabalu dan Tanjung Aru yang mungkin memerlukan tenaga elektrik lebih 300 MW.

3. Dengan pelaksanaan projek-projek penjanaan baharu serta pelaksanaan projek-projek pengukuhan sistem bekalan elektrik ini, permintaan tenaga elektrik di sekitar kawasan Kota Kinabalu pada masa akan datang akan dapat dipenuhi.

Sekian, terima kasih

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kapasiti penjanaan sedia ada di Kota Kinabalu khasnya dan kawasan Pantai Barat Sabah amnya adalah mencukupi bagi menampung permintaan bekalan tenaga elektrik untuk tempoh melangkaui tahun 2020.
2. Pada masa ini, permintaan puncak bagi Pantai Barat Sabah ialah 559MW manakala kapasiti boleh harap ialah 1,000 MW. Daripada jumlah tersebut, permintaan puncak bagi kawasan Bandaraya Kota Kinabalu yang merangkumi daerah Kepayan, Tanjung Aru, Luyang, Inanam, Likas, Menggatal, Penampang dan Sepanggar adalah sebanyak 396MW sahaja. Bagi menampung permintaan pada masa akan datang pula, Kerajaan telah meluluskan projek-projek penjanaan baharu di Pantai Barat Sabah sehingga tahun 2025. Selain itu, beberapa projek pengukuhan sistem penghantaran dan pembahagian bagi kawasan Kota Kinabalu juga sedang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas.

NO. SOALAN: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI

TARIKH : 30 MAC 2017

RUJUKAN : 9805

SOALAN:

Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) tahap keselamatan di negara ini berikutan kes pembunuhan warga Korea Utara di pintu keluar masuk negara ini iaitu KLIA; dan
- (b) motif pembunuhan tersebut setelah siasatan dilakukan ke atas orang-orang yang disyaki.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), lapangan terbang di seluruh negara merupakan instalasi sasaran penting keutamaan (1) yang diwartakan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Seksyen (4) dan Seksyen (5) Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298). Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) merupakan penghuni instalasi sasaran penting bagi Lapangan Terbang, manakala Bahagian Keselamatan Malaysia Airports (AVSEC) adalah pihak yang diberi kuasa untuk menjalankan tugas-tugas kawalan dalam kawasan lapangan terbang sebagaimana tafsiran di Seksyen 3 Akta 298.

Di bawah *National Civil Aviation Security Programme* (NCASP), kawasan penugasan telah dibahagikan di mana *airside* terletak di bawah tanggungjawab Bahagian Keselamatan Malaysia Airports (AVSEC) manakala *landside* di bawah kawalan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Merujuk kepada beberapa insiden yang berlaku di kawasan lapangan terbang di dalam dan di luar negara sejak kebelakangan ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA), Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil langkah bagi

memperketat lagi kawalan di lapangan terbang melalui tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan seperti berikut:-

- i) Mulai 1 April 2016, tahap keselamatan di semua lapangan terbang antarabangsa (LTAB) telah dinaikkan ke tahap jingga oleh Ketua Pengarah Penerbangan Awam (DCA). Selaras dengan itu, satu mesyuarat penyelarasan antara agensi keselamatan telah diadakan pada 4 April 2016 bagi membincangkan langkah-langkah untuk memperketat lagi kawalan di lapangan terbang. Mesyuarat berkenaan juga telah memutuskan agar satu jawatankuasa khas ditubuhkan bagi menyelaraskan aspek keselamatan LTAB khususnya di *landside* dan kawasan kargo.**

- ii) Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting (JPSP) dan Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri (JSPN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui pasukan naziran yang dilantik akan membuat pemeriksaan keselamatan dan melaporkan mengenai langkah-langkah keselamatan fizikal yang perlu dilaksanakan oleh penghuni-penghuni sasaran penting secara berkala.**

- iii) PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di bawah Kerjasama Strategi Lautan Biru Negara (NBOS) telah melancarkan “Op Ledak” dengan melaksanakan rondaan di *landside* KLIA secara syif 24 jam dengan kekuatan**

setiap rondaan terdiri daripada dua (2) anggota PDRM dan seorang (1) anggota ATM.

- iv) Komander Briged Tengah PGA yang berpangkalan di Cheras, Kuala Lumpur telah dilantik sebagai *Comander Crisis Management Team (CMT)* dan anggota *strike-force* daripada Unit Tindakan Khas serta 69 Komando boleh diatur gerak pada bila-bila masa untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku.
- v) PDRM khususnya Pasukan Gerakan Am (PGA) sedang mengkaji langkah-langkah untuk menambah bilangan anggota bertugas mengikut keperluan dan penilaian tahap keselamatan di lapangan terbang.

KDN dan agensi lain yang berkaitan dengan Lapangan Terbang telah mengambil pendekatan yang sewajarnya untuk menentukan tahap keselamatan lapangan terbang berada dalam keadaan yang selamat daripada sebarang ancaman dan perbuatan sabotaj. Kejadian yang berlaku di lapangan terbang seperti serangan kepada pimpinan Tamil Naidu Sri Lanka dan kematian abang tiri Presiden Korea Utara di KLIA terjadi di kawasan yang boleh dimasuki oleh orang awam. Walaupun agak sukar untuk pihak berkuasa mengesan perlakuan sedemikian pada peringkat awal, tahap kesiapsiagaan dan tindakan kawalan akan terus dipertingkatkan bagi memperkukuhkan kawalan keselamatan di lapangan terbang.

Bagi menjawab soalan (b), Kes kematian Kim Jong Nam, abang tiri kepada Presiden Korea Utara berlaku di Lapangan Terbang KLIA2, Sepang pada 13 Februari 2017 berkait KLIA Sepang Report 002798/17. Kejadian berlaku di *Kiosk Self Check In* Air Asia berhadapan kaunter daftar masuk W di aras 3 KLIA2. Kes tersebut telah diklasifikasikan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

Sehingga kini, polis telah menangkap 4 orang suspek bagi membantu siasatan yang terdiri seorang wanita warganegara Vietnam, seorang wanita warganegara Indonesia, seorang lelaki warga tempatan dan seorang lelaki warganegara Korea.

Kertas siasatan telah lengkap dan dimajukan kepada pihak Timbalan Pendakwaraya dan arahan diberikan seperti berikut:-

- i) 2 orang wanita warganegara Indonesia dan Vietnam dituduh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan pada 1 Mac 2017;**
- ii) Seorang lelaki warga tempatan diberikan bon di bawah Seksyen Kanun Tatacara Jenayah pada 22 Febuari 2017; dan**
- iii) Seorang lelaki warganegara Korea Utara, diserahkan kepada pihak Imigresen untuk tujuan pengusiran.**

Memandangkan kes berkenaan telah dihadapkan ke Mahkamah, Kementerian tidak berhasrat untuk mengulas lanjut berkaitan kes ini kerana dikhuatiri akan “*sub judice*” kepada proses perbicaraan nanti.

SOALAN NO: 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]
TARIKH : 30 MAC 2017
SOALAN :

YB Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini kemajuan pembinaan hospital Bachok. Apakah berjalan mengikut jadual yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan Hospital Bachok dengan kapasiti 76 katil sedang giat dilaksanakan mengikut perancangan seperti yang dijadualkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai agensi pelaksana. Kontraktor yang dilantik telah pun memasuki tapak pada 27 September 2016 dan projek dijangka siap pada 23 September 2019 dengan tempoh pembinaan selama 36 bulan. Kemajuan kerja kontraktor adalah 3.5% berbanding jadual 3.5% bagi tempoh berakhir 27 Februari 2017. Pada masa sekarang, kontraktor sedang melakukan kerja penanaman cerucuk di tapak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]
TARIKH : 30 MAC 2017
SOALAN :

YB Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan terkini pembinaan Hospital Dungun sehingga Februari 2017

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan Hospital Dungun, Terengganu dengan kapasiti 110 katil sedang giat dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai Agensi Pelaksana. Kontraktor yang dilantik telah pun memasuki tapak pada 23 Februari 2016 dan projek dijangka siap pada 22 Februari 2019 dengan tempoh pembinaan selama 36 bulan.

Kemajuan kerja Kontraktor sehingga 24 Februari 2017 adalah 12.4 peratus sebenar berbanding jadual 11 peratus iaitu menepati sasaran unjuran kemajuan kerja yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya

(JKR). Pada masa sekarang, pihak Kontraktor sedang giat melaksanakan kerja-kerja asas dan struktur bangunan serta pemasangan paip bawah tanah dan sistem pencegah kilat. Pihak Kementerian dan JKR sentiasa memantau dengan rapi perkembangan projek ini agar pembinaan Hospital Dungun akan dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]
TARIKH : 30 MAC 2017
SOALAN :**

YB Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peratus perokok di Malaysia dan apakah trend merokok meningkat atau menurun dan apakah sebab-sebab trend sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2015 menunjukkan bahawa prevalen merokok (perokok semasa) bagi kalangan rakyat Malaysia berumur 15 tahun dan ke atas adalah 22.8%, di mana 43.0% lelaki dan 1.4% wanita merokok. Prevalen merokok bagi kumpulan umur 15 hingga 24 tahun adalah 19.3% dan bagi kumpulan umur 25-44 tahun adalah 28.0%.

Sekiranya dilihat perbandingan dengan data kajian kebangsaan pada tahun 2011, prevalens merokok pada tahun itu adalah 23.1%, di mana 43.9% lelaki dan 1.0% wanita merokok. Prevalen merokok bagi kumpulan umur 15 hingga 24 tahun adalah 16.7% dan bagi kumpulan umur 25-44 tahun adalah 29.0%.

Walaupun dilihat terdapat sedikit penurunan prevalen merokok dari tahun 2011 ke tahun 2015, penurunan ini adalah tidak signifikan.

Terdapat beberapa penjelasan mengapa tiada penurunan yang ketara bagi prevalen merokok di Malaysia:

1) Kajian elastisiti / keanjalan pencukaian rokok (*tobacco taxation elasticity*) di Malaysia, yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bersama Universiti Putra Malaysia dan University of Cape Town, Afrika Selatan, menunjukkan bahawa harga rokok di Malaysia adalah masih lagi di dalam kemampuan pembelian (*affordability*) perokok-perokok di Malaysia. Kajian ini menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk peningkatan cukai rokok agar harga rokok terus

meningkat dan menjadi faktor yang efektif untuk menurunkan prevalen merokok di Malaysia.

2) Kajian yang sama juga mengkaji elastisiti pencukaian rokok dan kesannya kepada penggunaan rokok (*cigarette consumption*), di mana jumlah pengambilan rokok berkurangan apabila cukai dan harga rokok dinaikkan. Walaupun demikian, prevalen merokok tidak berkurangan dan perokok mengalami kesukaran untuk berhenti merokok kerana faktor ketagihan nikotin. Para penyelidik antarabangsa telah meletakkan tahap ketagihan nikotin sama atau lebih tinggi dari ketagihan dadah heroin, kokain, morfin dan alkohol.

3) Kajian Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2015 mendapati bahawa 86.0% perokok mengambil maklum tentang Amaran Kesihatan Bergambar dan amaran ini menyebabkan 59.6% daripada perokok

berniat untuk berhenti merokok (*intention to quit*). Namun, hanya separuh (52.3%) sahaja yang ada melakukan sekurang-kurangnya satu percubaan untuk berhenti merokok.

- 4) Tinjauan kesihatan kebangsaan yang sama juga menunjukkan bahawa dalam kalangan perokok yang cuba berhenti merokok, hanya 9.7% yang mendapatkan nasihat dan perkhidmatan berhenti merokok secara profesional, sama ada yang disediakan oleh kerajaan mahupun pihak swasta. Kebanyakan perokok lebih suka untuk cuba berhenti merokok secara sendiri dan banyak kajian menunjukkan bahawa kaedah ini mempunyai kadar berjaya berhenti merokok yang sangat rendah.

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian *International Tobacco Control* (ITC) yang dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia bersama University of Waterloo, Kanada, menunjukkan bahawa kempen kesedaran Anti Merokok seperti kempen Tak Nak berjaya meningkatkan kefahaman orang ramai dan perokok tentang bahaya merokok, di samping meningkatkan kemahuan perokok untuk berhenti merokok (*intention to quit*).

Bagi mencapai sasaran penurunan prevalen merokok di negara kita, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengemukakan dua strategi utama seperti yang digariskan di dalam Pelan Strategik Kebangsaan bagi Kawalan Tembakau 2015-2020, iaitu:

a) Mencegah generasi muda Malaysia dari memulakan tabiat merokok, dengan membangunkan aktiviti pencegahan dan intervensi mengikut kumpulan sasaran seperti berikut:

- i) Program IMFREE (kumpulan sasar: murid pra-sekolah dan murid sekolah rendah)
- ii) Program KOTAK (Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok)
Program saringan, pencegahan dan intervensi murid sekolah yang merokok, menerusi perkhidmatan pergigian di sekolah.
- iii) Program di Institut Pengajian Tinggi untuk mewujudkan persekitaran kampus bebas asap rokok menerusi saringan, pencegahan dan intervensi kepada pelajar pengajian tinggi.
- iv) Aktiviti ke arah mengurangkan kebolehdapatan rokok dengan menaikkan cukai supaya harga rokok meningkat , aktiviti ke arah pelaksanaan plain pacakaging dan total display ban supaya mengurangkan promosi secara tak langsung kepada kumpulan remaja
- v) Menambahkan tempat2 larangan merokok supaya amalan merokok menjadi sesuatu yang tak normal . Termasuk aktiviti Kospen bermula dari komuniti rumah bebas rokok.
- vi) Meningkatkan cukai rokok serta menaikkan harga rokok agar kebolehdapatan rokok kepada golongan bukan perokok akan berkurangan. Namun, kawalan dan penguatkuasaan rokok tidak sah mestilah seiring dengan kenaikan harga rokok ini.

b) Membantu perokok sedia ada untuk berhenti merokok

- i) Memperkukuhkan program mQuit, di mana perkhidmatan berhenti merokok diperluaskan dengan kerjasama kerajaan-swasta. Aktiviti pengukuhan merangkumi aktiviti promosi, latihan dan pengendalian perkhidmatan mQuit. Sehingga kini,

di samping perkhidmatan berhenti merokok di 731 klinik kesihatan dan 43 hospital kerajaan, program mQuit telah diperluaskan ke 164 fasiliti kesihatan swasta.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan Kempen Anti Merokok secara intensif bagi mengekang tabiat merokok dalam kalangan generasi muda dan memberi kesedaran bahaya tabiat merokok dalam usaha menggalakkan perokok berhenti merokok.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil banyak usaha untuk mendidik masyarakat berhenti merokok. Melalui Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) Tahun 2015 mendapati trend merokok dalam kalangan rakyat Malaysia berusia 18 tahun dan ke atas adalah 24% berbanding dapatan NHMS 2011 iaitu 24.6%. Kejayaan tersebut bergantung kepada beberapa komponen utama iaitu:

- a) Pendidikan melalui media di mana menerusi kempen ini telah meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan persepsi yang betul terhadap bahaya merokok dan pendedahan kepada asap rokok serta mengambil inisiatif berhenti merokok.
- b) Bagi menyokong persepsi positif ini, Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah menyediakan perkhidmatan berhenti merokok secara percuma kepada perokok yang berhasrat

berhenti merokok. Sebanyak 518 perkhidmatan berhenti merokok yang melibatkan klinik kesihatan, hospital dan institusi yang menyediakan perkhidmatan ini.

c) Usaha-usaha keras terus dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Program *IMFree* yang bertujuan melahirkan generasi muda yang menolak tabiat merokok. Program ini mensasarkan murid-murid sekolah rendah. Projek rintis telah dimulakan pada tahun 2016 dengan 36 sekolah diseluruh negara melibatkan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dan peluasan sekolah yang melibatkan 2 buah sekolah baru setiap daerah setiap tahun bermula tahun 2017.

d) Disamping itu program Doktor Muda yang menggunakan pendekatan rakan sebaya (*peer educator*) turut dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini melibatkan 2800 buah sekolah rendah dan menengah seluruh negara.

2. Bagi memastikan kejayaan kempen tak nak merokok ini, komponen lain juga dimantapkan iaitu khususnya:

- i. Peluasan tempat larangan merokok
- ii. Undang-undang larangan merokok dan penjualan kepada individu di bawah umur
- iii. Penguatkuasaan amaran bergambar di kotak rokok
- iv. Zon kawasan larangan merokok

3. Penguatkuasaan juga merupakan aspek penting dalam memastikan masyarakat mematuhi peraturan dan undang-undang tidak merokok di kawasan larangan merokok di bawah peraturan-peraturan kawalan hasil tembakau (pindaan) 2017. Pemberitahuan dan aktiviti penguatkuasaan secara berkala dilakukan bagi memastikan tiada pencabulan peraturan dilakukan oleh mana-mana individu terhadap pewartaan sesuatu peraturan dan undang-undang yang telah dikuatkuasakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN LIM KIT SIANG**
[GELANG PATAH]

TARIKH : **30 MAC 2017**

SOALAN : **Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]**
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan statistik terperinci kes-kes
pencerobohan kawasan perairan Malaysia
di Laut China Selatan oleh kapal atau bot
negara jiran termasuk Thailand, Vietnam,
Filipina dan China dari tahun 2013 hingga
2016 serta langkah-langkah yang diambil
oleh Kerajaan untuk mempertahankan
kedaulatan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Gelang Patah di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Secara umumnya, isu Laut China Selatan melibatkan dua aspek:-

Pertama, keperluan memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serta kebebasan pelayaran dan penerbangan, atau dengan izin, *freedom of navigation and over-flight*.

Kedua, tuntutan bertindih melibatkan beberapa buah negara iaitu Brunei Darussalam, Filipina, Malaysia, Vietnam serta China.

3. **Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua negara mestilah memastikan keamanan dan kestabilan, dan sebarang tindakan yang boleh menggugat keamanan dan kestabilan, menimbulkan ketegangan, kebimbangan dan kecurigaan serta bersifat provokatif hendaklah dielakkan. Di dalam konteks ini, *non-militarisation, self-restraint* serta mengelakkan penggunaan kekerasan adalah amat kritikal.**

4. Berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan, Malaysia berpendirian ia hendaklah **diselesaikan secara aman. Semua tuntutan dan penyelesaiannya melalui rundingan dan sebagainya**

mestilah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah **Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982 atau UNCLOS 1982**. Penyelesaian pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) atau Tribunal Timbangtara merupakan opsiyen yang diberikan oleh undang-undang antarabangsa.

5. **Malaysia, serta negara-negara penuntut ASEAN yang lain tidak mengiktiraf tuntutan China berdasarkan *nine-dash line* kerana ia tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah UNCLOS 1982.**

6. **Malaysia juga berpendirian bahawa tidak wujud sebarang tuntutan bertindih atau pertikaian wilayah di antara Malaysia dan China di Laut China Selatan.**

7. **Malaysia turut berpendirian bahawa semua ciri-ciri geografi atau dengan izin *maritime features* yang terdapat di dalam kawasan maritim Malaysia merupakan kepunyaan Malaysia.**

Tuan Yang di-Pertua,

8. **Bagi memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)* pada 4 November 2002.**

9. Melalui *DOC*, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina dan meningkatkan kesalingpercayaan serta menangani sebarang perbezaan secara aman.

10. Pada masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang berusaha untuk mewujudkan **Kod Tatalaku di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Code of Conduct in the South China Sea (COC)***.

11. Sayugia saya nyatakan bahawa *DOC* serta *COC* yang sedang diusahakan bukanlah instrumen untuk menyelesaikan tuntutan bertindih di Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

12. Saya juga ingin maklumkan bahawa undang-undang antarabangsa termasuklah *UNCLOS 1982* memperuntukkan hak kebebasan pelayaran, atau dengan izin, *freedom of navigation* kepada kapal-kapal asing di dalam kawasan perairan Malaysia. Sehubungan dengan itu, kehadiran kapal-kapal ini di dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia tidak boleh dibantah melainkan kapal-kapal ini melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan aspek pelayaran seperti melaksanakan penguatkuasaan, mengganggu aktiviti kapal-kapal dan sebagainya.

13. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu Laut China Selatan. Di dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, Kerajaan menjadikan kepentingan negara sebagai asas utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Segala isu akan diteliti dari segenap

aspek dan sebarang tindakan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

14. Rondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan kepentingan dan keselamatan negara di Laut China Selatan sentiasa terpelihara.

15. Saya juga ingin tegaskan bahawa Kerajaan tidak akan sesekali berkompromi di dalam perkara yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah dan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN
: ATIQULLAH
KAWASAN : KUBANG KERIAN
TARIKH : 30 MAC 2017, KHAMIS

SOALAN:

YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah projek peninggian dan peluasan jalan antara Pasir Tumboh ke Peringat dalam Kawasan Parlimen Kubang Kerian menepati SOP dan spesifikasi yang ditetapkan kerana ia dikatakan telah menjadi antara punca utama berlaku banjir besar di Kampong Guntong Limbat dan sekitarnya baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina jalan dari Pasir Tumboh ke Peringat itu merupakan sebahagian skop projek Baiki Jalan Kota Bharu – Kuala Terengganu (KM10 - KM21). Projek dengan kos keseluruhan sebanyak RM74 juta telah dimulakan pada 10 Februari 2015 dan ia dijangka siap pada bulan Ogos 2018. Skop projek ini melibatkan naik taraf jalan sedia ada sepanjang 3.7km kepada 4 lorong 2 hala, menaik taraf 3 jambatan, menaik taraf 3 persimpangan dan kerja-kerja lain yang berkaitan.

Projek ini telah direka bentuk dengan spesifikasi piawaian JKR R5, iaitu pembinaan median jalan dengan kelebaran 2 meter; 'carriageway' (3.5 meter), bahu jalan berturap (2 meter); dan bahu jalan tidak berturap (2 meter). Kerja-kerja melebarkan jalan ini dibuat mengikut aras jalan yang sedia ada di mana sebahagian laluan diturap menggunakan teknik 'overlay premix'. Manakala reka bentuk bagi pembetung dan sistem perparitan pula dibuat dengan mengambil kira faktor jumlah kuantiti air dari permukaan jalan dan juga sebahagian kecil limpahan air buangan dari premis-premis yang berhampiran dengan jalan.

Berdasarkan laporan wakil Jabatan Kerja Raya (JKR) di tapak, isu limpahan air dan banjir kilat yang berlaku pada akhir tahun lalu (2016) - khususnya di kawasan Guntong dan Limbat - ialah disebabkan oleh taburan hujan lebat luar biasa sehingga mengakibatkan limpahan air dari Sungai Limbat dan Sungai Kemasin ke kawasan berkenaan. Tambahan pula kerja-kerja pembinaan projek jalan ini belum dapat disiapkan sepenuhnya di mana terdapat longkang konkrit yang belum disambungkan ke sungai berhampiran, akibat dari masalah proses pengambilan tanah (lot tertinggal) yang belum diselesaikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JKR akan mendapatkan bantuan daripada Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan proses pengambilan lot baki tanah yang tertinggal. Di samping itu tindakan proaktif juga akan diambil bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan terlibat, termasuk pemantauan lebih ketat berkaitan isu-isu yang timbul dari pelaksanaan projek ini.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEN BIN ABDUL
RAHIM**

TARIKH : 30 MAC 2017

RUJUKAN : 9690

SOALAN:

Dato' sri Abdul Azeen Bin Abdul Rahim (Baling) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak kementerian berhasrat memberikan peruntukan khas kepada pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) untuk membeli ujian dadah supaya pihak AADK dapat menjalankan ujian kepada pelajar dan petugas-petugas di sekolah bagi mengekang gejala penyalahgunaan dadah di sekolah dan juga peruntukan khas kepada pihak PIBG bagi menjalankan aktiviti kauseling untuk sesi pemulihan dan lain-lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, ujian saringan air kencing dijalankan secara berkala di peringkat sekolah dan mengikut keperluan. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melaksanakan ujian saringan air kencing kepada pelajar sekolah menengah yang berisiko dan program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Ujian saringan air kencing yang dijalankan ke atas seramai 35,522 orang pelajar pada tahun 2016, 1,381 orang didapati positif dadah.

Selain itu, Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) juga telah dilaksanakan bagi mengesan pekerja-pekerja yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Program TEKAD dilaksanakan berdasarkan permintaan di mana pihak sekolah boleh menghantar permohonan bagi melaksanakan ujian saringan air kencing untuk guru dan kakitangan di sekolah.

NO. SOALAN: 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

TARIKH : 30 MAC 2017

RUJUKAN : 9611

SOALAN:

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang terlibat dalam kumpulan militan/pengganas di Syria dan Iraq dan tindakan untuk memastikan keselamatan negara daripada ISIS atau kumpulan pengganas sepertinya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sejak 2013 sehingga 22 Februari 2017, seramai 95 orang warganegara Malaysia telah dikesan dan dikenalpasti terlibat dengan elemen kumpulan pengganas Daesh di Syria dan Iraq. Daripada jumlah tersebut, seramai 8 orang telah kembali dan ditangkap oleh pihak polis, 30 orang telah mati manakala baki seramai 57 orang lagi masih berada di kawasan bergolak.

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memantau perkembangan berkait kegiatan mana-mana keganasan seperti ini secara berterusan dengan mengambil kira perkembangan ancaman keganasan secara global. Sehubungan itu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:

- i. Secara berterusan telah mengadakan kerjasama daripada segi perkongsian maklumat dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya ASEAN. Hasil daripada perkongsian maklumat ini, PDRM telah membuat pemantauan rapi dan menjejaki mereka yang disyaki atau didapati terlibat dengan kumpulan-kumpulan pengganas;**

- ii. Nama individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperoleh hasil daripada perkongsian maklumat ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak (*Suspect List*) bagi menyekat pergerakan mereka di semua pintu masuk/keluar pemeriksaan imigresen di seluruh negara;**
- iii. Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System* (APSS) yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing yang ingin memasuki negara ini dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci;**
- iv. Kerajaan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah menjalankan pelbagai program penerangan sebagai pencegahan melalui ceramah-ceramah, khutbah Jumaat, perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan medium lain termasuk media sosial untuk disasarkan kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrem yang menjurus ke arah kegiatan militan;**

- v. Program penerangan kepada golongan belia seperti Program Belia Benci Keganasan diadakan dengan kerjasama NGO dan PDRM kepada para pelajar sekolah, universiti dan NGO;**

- vi. Selain itu, kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial yang menjadi medium komunikasi golongan belia agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang; dan**

- vii. Menahan mereka di bawah undang-undang pencegahan seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA). Mereka yang ditahan akan menjalani program melalui Modul Pemulihan Bersepadu dengan penglibatan Kementerian Dalam Negeri sendiri dan agensi-agensi Kerajaan seperti PDRM, Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.**